

"DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudah baginya suatu jalan untuk ke Syurga".
- Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

BERANGKAT MERASMIKAN SAMBUTAN ULANG TAHUN UTB KE-40

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Januari. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) hari ini melancarkan Sambutan Ulang Tahun Ke-40, menandakan empat dekad perkembangan berterusan, transformasi institusi serta sumbangan signifikan universiti berkenaan kepada pembangunan pendidikan tinggi dan kemajuan teknologi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40 telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UTB, yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Khas Ulang Tahun UTB Ke-40. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

>> Muka 3

KSSUP komited dalam melaksanakan pembaikan, perubahan, inisiatif berterusan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Januari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) akan secara berterusan memperkemas lagi usaha dengan menyemak strategi-strategi, memperkenalkan kaedah dan pendekatan baharu mengikut keperluan semasa untuk melaksanakan pembaikan-pembaikan dan perubahan berterusan serta berkesan dalam melaksanakan inisiatif, program dan projek strategik kementerian.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap pada Sesi Muzakarah KSSUP bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menyatakan bahawa KSSUP masih lagi tertumpu kepada tiga fokus utama seperti Meningkatkan Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Agrifood; Mendukung Kemajuan dan Pembangunan Industri Pelancongan dan Memperkukuhkan usaha dalam Pembangunan dan Pemuliharaan Sumber Hutan.

>> Muka 8

Menteri Hal Ehwal Ugama terima kunjungan hormat

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Selasa, 20 Januari. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, petang tadi, menerima kunjungan hormat daripada Yang Di-Pertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM) Pusat, Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah, yang sedang dalam rangka Lawatan Rasmi Ilmiah ke Negara Brunei Darussalam.

Kunjungan hormat tersebut diadakan di

Bilik Dhiyafah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis.

Semasa kunjungan hormat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama Yang Di-Pertua PUM Pusat berkesempatan bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengetahuan berkaitan Perkhidmatan Ugama termasuk pendidikan agama dan Arab, dakwah dan pelaksanaan Perundangan Islam.

>> Muka 6

Sembahyang teras pembentukan modal insan cemerlang

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Januari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1447 Hijrah, bertempat di Dewan Bankuet, JPM hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir sama, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri di JPM, para jemputan khas dan ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan di bawah JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash Shaliheen, Awang Haji Mohd. Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran dan kemudian diikuti dengan bacaan Surah Al-Isra, ayat 9 hingga 15 yang dibacakan oleh L/cpl 5849, Awang Ahmad Raihaan bin Begawan Mudim Haji Matassim dari Pasukan Polis Diraja Brunei.

Majlis diteruskan dengan bacaan Selawat Tafriyyah dan Selawat Ibrahimiyah beramai-ramai yang dipimpin oleh Kumpulan Nasyid, Bahagian Ugama Islam, Pasukan Polis Diraja Brunei.

>> Muka 6



Berita Utama



KEMENTERIAN Pendidikan adakan Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin, Doa Khas

Muka 7



MENINGKATKAN kesedaran warga emas dengan jenayah siber

Muka 9



HIDUP Tanpa Buli : Sekolah YSHHB tegaskan komitmen lindungi kesejahteraan pelajar

Muka 12



RENCANA

PULIHARA, harga bangunan bersejarah

Muka 21

Peranan keluarga dalam melahirkan pemimpin berakhlak dan bertanggungjawab

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

PADA pagi yang penuh keberkatan dan bermakna ini, saya terlebih dahulu merafakkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita berpeluang berhimpun untuk memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj iaitu peristiwa luar biasa yang mengangkat martabat Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pedoman besar kepada seluruh umat manusia.

Di sebalik peristiwa tersebut, tersirat perintah yang amat agung kedudukannya iaitu kewajipan sembahyang fardu lima waktu dalam mana Allah Azza Wajalla mensyariatkannya secara langsung kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Baginda naik ke Sidratulmuntaha yang menandakan betapa tingginya martabat sembahyang sebagai tiang agama dan asas keteguhan akhlak umat Islam.

Tema sambutan pada tahun ini, 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang', amat bertepatan dengan tuntutan pembangunan negara. Sesungguhnya kecemerlangan seseorang insan tidak hanya diukur melalui kekuatan

fizikal atau kecerdikan akal semata-mata, tetapi turut bertunjangkan keteguhan spiritual, keluhuran akhlak serta disiplin diri. Nilai-nilai ini terbina melalui sembahyang yang dijaga dan dilaksanakan dengan penuh khusyuk.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Mu'minun ayat 1 hingga 2 yang bermaksud: "Sesungguhnya berjayaiah orang-orang beriman, iaitu orang-orang yang khushyuk dalam sembahyang mereka".

Hakikat ini menegaskan bahawa kualiti sembahyang adalah asas kejayaan manusia seperti mana pertautannya dengan titah paduka ayahanda semasa Sambutan Israk dan Mikraj 1446 Hijrah yang lalu :

"Hati dan minda orang sembahyang tidak ke mana-mana, melainkan hanya kepada Allah semata-mata, menjadikan hati dan minda orang sembahyang itu pasti bersih, tenang dan sihat".

Oleh itu, hanya minda yang sihat dan cerdas sahaja yang mampu membuat pertimbangan antara perkara baik dan buruk. Inilah ciri-ciri penting bagi pembentukan kecemerlangan modal insan yang seimbang; bukan sahaja cemerlang dalam akademik atau kemahiran teknikal, tetapi turut disempurnakan dengan kerohanian yang kukuh, akhlak yang luhur, dan integriti yang tinggi. Dalam tradisi Brunei, modal insan yang unggul ialah insan yang berilmu, beradab, beragama dan berakhlak mulia.

Pembangunan modal insan cemerlang adalah bermula daripada institusi keluarga yang kukuh sebagai asas utama dalam membentuk keperibadian, akhlak dan

sahsiah anak-anak. Menyedari hakikat ini, usaha mengukuhkan institusi keluarga hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu.

Perkara ini seiring dengan titah paduka ayahanda pada Sambutan Maulidur Rasul bagi Tahun 1447 Hijrah yang menekankan: "Keluarga yang di bangun berdasarkan keimanan, ketakwaan dan cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala akan membentuk kepada keluarga yang penuh dengan ketenangan, kasih sayang dan rahmat".

Paduka ayahanda turut mengingatkan bahawa setiap daripada kita adalah pemimpin yang akan dipertanggungjawabkan terhadap yang dipimpinnya. Oleh itu adalah menjadi keutamaan mutlak untuk mendidik anak-anak menjadi insan yang berakhlak mulia dan jauh daripada sebarang gejala buruk khusus di zaman penuh cabaran ini. Adalah menjadi azam bersama untuk menjadikan institusi keluarga masing-masing sebagai keluarga yang diberkati mengikut acuan keluarga Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Kejayaan kita membentuknya adalah juga antara pemangkin kepada pencapaian matlamat Wawasan Negara 2035.

Akhir kalam, marilah kita mengambil tabaruk daripada peristiwa agung Israk dan Mikraj serta meneladani akhlak dan ketabahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mempertahankan hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala melalui kesempurnaan ibadah sembahyang. Mudah-mudahan kita dikurniakan kejayaan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda bersempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj peringkat Negara Tahun 1447H di Dewan Plenary Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Sabtu, 17 Januari 2026.

dan kebahagiaan di dunia serta akhirat. Amiin.

Sekian, Wabillaht Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	RABU	2	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41
22	KHAMIS	3	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
23	JUMAAT	4	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.41
24	SABTU	5	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	AHAD	6	5.04	5.14	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
26	ISNIN	7	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
27	SELASA	8	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 21 JANUARI 2026

Kedudukan doa : Mulia di sisi Allah

BERDOA bukanlah perkara asing dalam kehidupan kita orang Islam. Setiap hari kita tidak lekang dari berdoa. Bahkan masyarakat kita sangat sehati dengan amalan berdoa.

Doa adalah permintaan atau permohonan seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagai jalan untuk menyatakan hajatnya. Hajat seseorang itu terlalu banyak dan tidak terkira.

Doa juga merupakan senjata orang mukmin, tiang agama dan cahaya langit dan bumi, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya : "Doa itu senjata orang mukmin, tiang agama dan cahaya langit dan bumi". (Hadis riwayat al-Hakim)

Doa mempunyai kedudukan yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala kerana doa itu pernyataan seorang hamba akan kefakiran, kelemahan serta kehinaannya dan pengakuannya terhadap kekuatan, kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Amalan berdoa bukanlah suatu perkara yang baru dalam kalangan umat Islam bahkan telah sebatu amat sesuai dengan Muslimin dan Muslimat sejak zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi yang mana Baginda sendiri menunjukkan pimpinan dan panduan bagaimana berdoa dan mendoakan.

Hukum berdoa adalah sunat (mustahab iaitu digalakkan) dan terdapat dalam Al-Quran dan hadis tentang suruhan yang memerintahkan umat Islam supaya berdoa dan memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala ke arah kebaikan, sama ada ketika dalam keadaan senang ataupun susah, pada kala suka ataupun duka dan secara bersendirian mahupun berjemaah.

Mendoakan orang lain seperti mendoakan untuk raja iaitu sebagai amalan masyarakat Islam secara langsung yang mengandungi permohonan agar Allah Subhanahu Wata'ala memelihara kedaulatan raja dan kekal memerintah, mendoakan untuk para pemimpin, saudara-saudara Islam sama ada orang yang didoakan itu tahu atau tidak, sama ada lelaki atau perempuan memang dianjurkan dan amat digalakkan oleh agama Islam.

Justeru, rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada ketika ini dengan penuh ikhlas terus mendoakan akan kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah selesai menjalani rawatan kesihatan.

Pelbagai agensi sama ada pihak kerajaan mahupun pihak swasta dan badan-badan berkebakikan terus giat melaksanakan majlis keagamaan bagi memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengurniakan kepada baginda dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan, lantas mencerminkan rasa kasih, taat setia serta doa berterusan rakyat dan penduduk NBD terhadap raja yang dikasihi dan dicintai. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitaibrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berangkat merasmikan Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad
Hatrul Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40.

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Pelancaran Rasmi Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah seterusnya berkenan mengurniakan sabda perasmian dan seterusnya merasmikan Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40.

Majlis diserikan lagi dengan tayangan video khas sambutan yang memaparkan refleksi daripada mantan Naib Canselor dan Naib

Canselor semasa serta menteri-menteri mengenai pencapaian, mercu tanda dan pembangunan UTB sejak penubuhannya.

Ini diikuti dengan penyampaian



Anugerah Khas Ulang Tahun UTB Ke-40, sebagai penghargaan kepada individu-individu yang telah memberikan sumbangan dan khidmat bakti yang signifikan kepada pembangunan dan legasi UTB, iaitu Anugerah Jasawan seramai 22 penerima, Anugerah Kerja Lama seramai 13 orang, dan Anugerah Extraordinary Staff seramai tujuh orang.

Sementara itu, Anugerah Pemenang Reka Bentuk Logo Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40 telah diberikan kepada Dayang Izzati binti Haji Sahrin.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung berangkat menyaksikan Pameran UTB : 4 Dekad, pelancaran Wakaf Mushaf UTB, dan buku kenang-kenangan bertajuk 'The First 40 Years : Enlivening Legacy, Empowering Innovation'.

UTB ditubuhkan bukan sekadar sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, tetapi lahir sebagai respons nasional terhadap keperluan sistem pendidikan yang selaras dengan keutamaan pasca-kemerdekaan NBD, dengan matlamat melangkaui kerangka pendidikan era kolonial ke arah pembangunan negara yang mampan dan berdikari.

Ditubuhkan pada 1986, UTB telah berkembang daripada sebuah institusi teknikal kepada sebuah



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan sabda perasmian pada Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40.

universiti teknologi terkemuka yang lengkap, serta memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan berkemahiran tinggi dan bersedia industri, di samping menyokong aspirasi negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan dipacu inovasi.

Sepanjang empat dekad penubuhannya, kekal teguh dalam misinya untuk mengintegrasikan pendidikan, penyelidikan, inovasi dan kerjasama industri, selaras dengan keutamaan pembangunan negara.

Bersempena sambutan berkenaan, Wakaf Mushaf UTB turut dilancarkan secara rasmi, mencerminkan pendekatan holistik universiti dalam pendidikan yang menyeimbangkan kecemerlangan akademik dengan nilai kerohanian dan tanggungjawab sosial.

Majlis berkenaan turut menampilkan Pameran 4 Dekad yang mengisahkan perjalanan transformasi serta sumbangan UTB sepanjang 40 tahun penubuhannya. Pameran berkenaan menonjolkan

pencaapaian utama, perkembangan institusi serta peranan UTB dalam landskap teknikal dan teknologi NBD.

Selain itu, pelancaran buku kenang-kenangan bertajuk 'The First 40 Years : Enlivening Legacy, Empowering Innovation' yang merakam perjalanan UTB, kepimpinan serta sumbangannya kepada pembangunan negara melalui pendidikan, penyelidikan dan inovasi.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTMM berkenan menerima Pesambah serta berkenan bagi sesi bergambar.

Pelancaran Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40 UTB berkenaan menandakan permulaan kepada rangkaian program sambutan dan akademik sepanjang tahun, selaras dengan usaha berterusan universiti untuk memperkukuh peranannya sebagai institusi teknologi nasional yang komited terhadap kecemerlangan dalam pendidikan tinggi, penyelidikan dan inovasi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan Anugerah Khas Ulang Tahun UTB Ke-40 kepada para penerima sebagai penghargaan kepada individu-individu yang telah memberikan sumbangan dan khidmat bakti yang signifikan kepada pembangunan dan legasi UTB (atas kiri dan atas), manakala gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bagi sesi bergambar ramai, sementara gambar bawah kanan, Wakaf Mushaf UTB.



BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar (atas), sementara gambar kanan, para hadirin menadah tangan berdoa.



PAMERAN SERLAH PERJALANAN TRANSFORMASI, INOVASI UTB



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat menyaksikan pameran (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Januari. - Pameran empat dekad yang mengisahkan perjalanan transformasi serta sumbangan UTB sepanjang 40 tahun penubuhannya merupakan antara pengisian pada Sambutan 40 Tahun Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), hari ini.

Pameran 'The First 40 Years : Enlivening Legacy, Empowering Innovation' ini menonjolkan pencapaian utama, perkembangan institusi serta peranan UTB dalam landskap teknikal dan teknologi Negara Brunei Darussalam.

Berkenan berangkat menyaksikan pameran tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

**Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin**

Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UTB.

Penolong Profesor, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan, yang juga Timbalan Pengarah, Pusat Penyelidikan Teknologi Hijau dan Kelestarian (GreenTeXS), UTB, Pengiran Dr. Rafidah bin Pengiran Haji Petra selaku Ketua Bersama Jawatankuasa Kecil Pameran ketika ditemui mengongsikan bahawa pameran sempena Sambutan 40 Tahun UTB ini merangkumi beberapa komponen utama yang mencerminkan perjalanan dan nilai UTB.

Antaranya ialah Pelancaran Wakaf Mushaf UTB, pameran perjalanan dan pencapaian UTB sepanjang 40 tahun, serta

pelancaran Buku UTB Pulse Edisi Khas 40 Tahun yang merakamkan detik-detik penting dan pencapaian universiti. Kesemua ini memberi gambaran menyeluruh tentang bagaimana UTB berkembang dari dahulu hingga kini.

"Sebagai jawatankuasa kecil pameran, kami melihat pameran ini bukan sekadar retrospektif, tetapi juga sebagai platform ke hadapan. Antara perancangan kami ialah memperkenalkan pendekatan pameran yang lebih interaktif, penggunaan kandungan digital," ujarnya.

Turut dilancarkan semasa pameran tersebut ialah Buku Kenangan UTB Pulse 'The First 40 Years : Enlivening Legacy, Empowering Innovation', yang merupakan Edisi Khas bersempena Ulang Tahun Ke-40 UTB.

Buku Kenangan The First 40 Years merupakan sebuah penerbitan khas yang merakam perjalanan empat dekad UTB

sejak penubuhannya sebagai Institut Teknologi Brunei (ITB) sehingga berkembang menjadi sebuah universiti teknologi yang berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Buku ini menghimpunkan dokumentasi menyeluruh yang merangkumi kepimpinan tertinggi negara dalam bidang pendidikan, kepimpinan ITB dan UTB dari dahulu hingga kini, serta struktur tadbir urus semasa universiti termasuk Majlis Universiti, Senat dan carta organisasi UTB bagi Sesi 2025 / 2026.

Turut dimuatkan ialah naratif sejarah yang menelusuri perkembangan institusi merentasi empat dekad, menggambarkan transformasi, cabaran dan pencapaian penting UTB.

Penolong Pegawai Perhubungan Awam UTB, Awang Muhammad Iqbal bin Haji Masmin semasa ditemui mengongsikan bahawa UTB Pulse mula diterbitkan pada tahun 2013, yang mana ia adalah sebagai satu platform untuk berkongsi perkembangan, aktiviti serta pencapaian dalam komuniti universiti.

"Sepanjang tahun-tahun ini, UTB Pulse telah mendokumentasikan perjalanan UTB merangkumi bidang akademik, penyelidikan, pencapaian pelajar serta kerjasama antarabangsa.

"Tahun ini amat bermakna kerana bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 UTB, kami turut menerbitkan UTB Pulse Edisi Ke-40, yang mencerminkan pertumbuhan majalah ini seiring dengan perjalanan UTB selama empat dekad," ujarnya.

Beliau juga menyatakan, edisi khas tersebut meraikan pencapaian, sumbangan serta peranan UTB sebagai institusi terkemuka dalam bidang teknologi, kejuruteraan dan pembangunan negara. Pameran yang diadakan di ruang legar BKISHHB itu akan berlangsung bermula 19 Januari hingga 21 Januari 2026.



UTB komited melahirkan graduan dilengkapi kepakaran teknikal

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Januari. - Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dalam sembah alu-aluannya semasa Majlis Pelancaran Rasmi Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40, menegaskan bahawa sepanjang 40 tahun yang lalu, UTB telah berkembang dari segi skala, keupayaan dan impak, berpandukan misi yang jelas untuk melahirkan insan berpotensi tinggi bagi membentuk sebuah masyarakat yang mampan, berdaya saing di peringkat global dan berjiwa keusahawanan, selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah dalam sembahnya juga menjelaskan

bahawa program akademik UTB terus berkembang seiring dengan haluan teknologi dan keperluan pasaran semasa, di samping kapasiti penyelidikan ditingkatkan dengan hasil yang membanggakan, perkongsian strategik bersama agensi kerajaan, industri dan institusi antarabangsa diperluaskan skalanya.

"UTB, insyaaAllah, kekal komited dalam melahirkan graduan yang dilengkapi dengan kepakaran teknikal yang kukuh, nilai etika yang tinggi serta perspektif global," sembah Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah pada majlis yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah yang juga selaku Pengerusi

Jawatankuasa Tertinggi Majlis Pelancaran Rasmi Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40 dalam sembahnya turut memaklumkan bahawa UTB telah merancang pelbagai acara bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 bagi meraikan empat dekad kecemerlangan institusi.

Sembahnya lagi, Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40 berkenaan bukan sekadar meraikan perjalanan masa, malah menjadi penegasan semula terhadap visi UTB sebagai Universiti Global Masa Hadapan.

"Ia juga merupakan wadah untuk merenung pencapaian bersama, mengiktiraf usaha kolektif yang telah membentuk universiti ini serta memperbaharui komitmen terhadap kecemerlangan dalam pendidikan, penyelidikan, inovasi dan penglibatan global bagi menyokong Wawasan Brunei 2035.

"Bagi pihak UTB, Hamba Duli Tuanku mengalu-alukan

kehadiran jemputan khas ke Majlis Pelancaran Rasmi Sambutan Ulang Tahun Penubuhan UTB serta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada pembangunan universiti tersebut sama ada pada masa lalu mahupun masa kini.

"Penghargaan turut dirakamkan kepada ahli-ahli jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus menjayakan sambutan berkenaan," sembahnya lagi.

Terdahulu, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) dalam sembah alu-aluannya.

Perdana Menteri merangkap Pro-Canselor UTB ke Majlis Pelancaran Rasmi Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40.

Keberangkatan berkenaan, sembahnya, bukan sahaja menyerikan majlis, malah mencerminkan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah terhadap perkembangan UTB sepanjang empat dekad penubuhannya.

MERAFAKKAN DOA KESEMBUHAN, KESIHATAN, KEAFIATAN KEBAWAH DYMM

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi memohon kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas dan kanan).

MANGGIS/MADANG, Isnin, 19 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) petang tadi meneruskan pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi memohon kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang, di sini.

Hadir bagi sama-sama

menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle



bin Haji Abd. Karim; Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis/Madang, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili, Dato Paduka Haji Said bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim dan Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan di bawah KHEU, ahli jawatankuasa takmir dan Muslimah Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis / Madang dan juga jemaah masjid serta penduduk kampung sekitarnya. Majlis dimulakan dengan

Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Tingkat III, Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis/Madang, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani, yang juga mengepalai bacaan Surah Yaa Siin.

Manakala bacaan Doa Khas bagi memohon kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kesyukuran atas kelancaran dan kesempurnaan pembedahan baginda dipimpin oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam, KHEU, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Majlis kemudiannya diikuti

dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis berkenaan melambangkan kesetiaan, keprihatinan dan kasih sayang rakyat terhadap raja yang dikasihi dengan bersama-sama memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan.

Penganjuran majlis berkenaan juga bertujuan untuk menyuburkan amalan kerohanian, mengeratkan perpaduan ummah, serta menzahirkan bahawa doa merupakan senjata dan utama umat Islam dalam menghadapi apa jua keadaan, selaras dengan konsep Negara Zikir yang berteraskan ajaran Islam.

Mushaf UTB : Peluang orang ramai untuk berwakaf

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



PROJEK Wakaf Mushaf UTB berkenaan telah dilancarkan secara rasmi pagi tadi semasa Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Universiti Teknologi Brunei (UTB) Ke-40 (atas, atas kanan dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Januari. - Bersempena Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Universiti Teknologi Brunei (UTB) Ke-40, UTB melalui Bahagian Waqaf Pendidikan UTB telah mengatur satu inisiatif murni dengan membuka peluang kepada orang awam di Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk berwakaf Mushaf UTB.

Projek pertama pengumpulan pewakaf Mushaf UTB berkenaan dibukakan selama setahun bermula 19 Januari 2026 hingga 18 Januari 2027.

Pada peringkat permulaan, sebanyak 500 naskhah Mushaf UTB disediakan untuk tujuan wakaf dan pengagihannya adalah terhad kepada penerima manfaat wakaf di dalam NBD sahaja seperti masjid,

surau, balai ibadat, institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, pihak persendirian dan lain-lain.

Inisiatif berkenaan merupakan kesinambungan daripada projek penyediaan Mushaf UTB yang telah dijadikan sebagai Kepala Perarakan (cokmar) semasa Majlis Konvokesyen UTB, yang telah dirasmikan pada Majlis Konvokesyen UTB Ke-13 pada 3 September 2025 yang lalu.


Projek Wakaf Mushaf UTB berkenaan telah dilancarkan secara rasmi pagi tadi semasa Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40 yang diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Mushaf UTB yang dibukakan untuk wakaf berkenaan berukuran A5 dan dicetak oleh Syarikat Print Plus Sdn. Bhd., dengan mengambil kira aspek kualiti serta kesesuaian untuk kegunaan umum.

Bagi memudahkan urusan pewakaf, pihak UTB turut menyediakan platform pengurusan wakaf secara dalam talian. Pewakaf hanya perlu melayari pautan ewaqqaf.utb.edu.bn untuk menyertai inisiatif wakaf Mushaf UTB berkenaan.



Waqaf Mushaf Universiti Teknologi Brunei



MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Di samping mempererat hubungan silaturahmi dan jaringan keilmuan antara kedua-dua pihak, ia turut membuka ruang bagi kerjasama pada masa hadapan dalam bidang yang berkepentingan bersama.

Rombongan turut disertai oleh Setiausaha Agung PUM Pusat, Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd. Roslan bin Mohd. Nor; Pengerusi PUM Cawangan Sabah, Md. Razali Saibin; Pengerusi PUM Cawangan Terengganu, Ibrahim bin Tahir; Ahli PUM Cawangan Abdullah, dan Ahli Jawatankuasa PUM Pusat, Profesor Madya Dr. Saupi bin Man.

Hadir sama pada majlis kunjungan hormat tersebut ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha

Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim dan Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim.

PUM ialah sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam yang ditubuhkan pada tahun 1977 untuk menyatukan ulama dan ilmuwan Islam di Malaysia.

PUM berperanan sebagai badan rujukan dan pemikir dalam menangani pelbagai isu dari perspektif Islam, memperkukuh kefahaman Islam 'wasatiyyah', menolak fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam, serta aktif menjalankan dakwah, nasihat dan aktiviti ilmiah demi menjaga kesucian agama dan keharmonian masyarakat.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Yang Di-Pertua Persatuan Ulama Malaysia Pusat, Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah, yang sedang dalam rangka Lawatan Rasmi Ilmiah ke Negara Brunei Darussalam.

Sembahyang teras pembentukan modal insan cemerlang



>> Muka 1

Kemuncak acara diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohd. Nasyith bin Superi.

Antara inti sari ceramah yang disampaikan adalah sembahyang

merupakan teras utama pembentukan modal insan cemerlang kerana ia bukan sekadar kewajipan agama, malah asas kejayaan dunia dan akhirat.

Solat membina iman, disiplin, akhlak mulia, kekuatan rohani dan keseimbangan emosi, serta mencegah perbuatan keji dan mungkar.

Melalui solat terangnya,

seseorang belajar mengurus masa, bermuhasabah diri, memperbaiki hubungan sosial, dan mendekatkan diri kepada Allah.

"Melalui kisah-kisah teladan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat membuktikan bahawa menjaga solat membawa ketenangan, perubahan akhlak, dan kejayaan hidup, oleh itu solat hendaklah dihayati dan dijadikan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1447 Hijrah, bertempat di Dewan Bankuet, JPM (kiri), manakala gambar atas, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohd. Nasyith bin Superi.

asas kehidupan untuk melahirkan insan yang berjaya dan berakhlak mulia," ujarnya.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan bacaan Doa Khas bagi merafakkan kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sambutan pada tahun ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Tenaga, JPM dan Jabatan Penerangan, JPM.

BDCB anjurkan Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin, Doa Khas



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

KILANAS, Selasa, 20 Januari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) petang tadi mengadakan Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin serta Doa Khas bagi

memohon kesembuhan segera dan kesihatan sempurna bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan diselenggarakan dengan Doa Kesyukuran bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan BDCB yang Ke-15,

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB hadir pada Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin serta Doa Khas yang diselenggarakan dengan Doa Kesyukuran bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan BDCB Ke-15.

diadakan di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB.

Juga hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB; serta ahli-ahli lembaga pengarah, pengarah urusan, pihak pengurusan eksekutif serta

pegawai-pegawai dan kakitangan dari BDCB.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat berjemaah dan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan Doa Khas dan bacaan Doa Kesyukuran yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin.

Acara diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis antara lain mencerminkan kesetiaan dan keprihatinan terhadap raja yang dikasihi, dengan bersama-sama memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar mengurniakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kesembuhan dan keafiatan yang sempurna serta keamanan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam, di samping menjadi satu kesempatan kesyukuran atas perjalanan BDCB sepanjang penubuhannya.

Sembahyang Sunat Hajat mohon keafiatan buat Kebawah DYMM

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BERAKAS, Isnin, 19 Januari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas, hari ini, bagi merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengurniakan kesembuhan yang segera, kesihatan yang sempurna dan keafiatan yang berpanjangan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen tersebut (atas dan atas kiri).

Saifuddin Waddien, Sa'adul Sultan dan Khairi Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Hadir pada majlis yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen tersebut ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

PROJEK TEDUH : MEMPERKASA KOMUNITI, MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN SOSIAL

Berita dan Foto : Nurdianah Rajami



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi BIBD hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

TUTONG, Isnin, 19 Januari. - Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) meneruskan usaha memperkasa komuniti dan memperkukuh kesejahteraan sosial serta pembangunan negara yang inklusif di bawah inisiatif Projek Teduh dengan berlanjutannya Majlis Penyerahan sebuah lagi rumah

yang dibina semula kepada sebuah keluarga di Jalan Bukit Ambog, Kampung Panchor Dulit, Daerah Tutong, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi BIBD.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri secara rasmi telah menyerahkan rumah berkenaan kepada penerima, Awang Noor Hamzari bin Mohammad dan keluarganya.

Acara berkenaan menandakan satu lagi peristiwa penting dalam program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) utama BIBD untuk terus mengubah kehidupan melalui tindakan kolaboratif dan semangat keprihatinan bersama.

Penyerahan berkenaan berikutan kejayaan menyiapkan sebuah rumah Projek Teduh yang

serupa di Kampung Bukit Udal pada November 2025, sekali gus menekankan komitmen BIBD dalam menyampaikan hasil yang bermakna kepada masyarakat.

Projek kali ini yang bermula pada 5 Disember 2025 telah siap pada 15 Januari 2026, sekali gus mencerminkan keberkesanan kolaborasi pelbagai agensi dalam meningkatkan keadaan hidup golongan keluarga yang memerlukan dan juga dalam masa yang sama, menyampaikan hasil yang memberi impak kepada masyarakat.

Projek Teduh dibiayai melalui gabungan strategik dan sinergi sumber dana, mencerminkan komitmen bersama terhadap impak sosial. Sebahagian besar pembiayaan disumbangkan oleh BIBD melalui zakat perniagaan, menonjolkan dedikasi BIBD terhadap pemberian yang berteraskan matlamat.

Usaha kolektif berkenaan menunjukkan komitmen teguh

BIBD dan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) dalam memperkasa kebajikan masyarakat melalui program CSR berasaskan nilai yang selaras dengan matlamat pembangunan negara.

Inisiatif berterusan berkenaan juga menggambarkan bagaimana keprihatinan bersama dapat mewujudkan satu impak yang berkekalan, berakar umbi dalam prinsip Maqasid Syariah dan nilai 'Bruneian at Heart', untuk meningkatkan semangat masyarakat melalui penjagaan, kolaborasi dan tujuan bersama.

BIBD turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI) dan syarikat-syarikat terkemuka serta penderma-penderma individu yang berkongsi nilai dan prinsip BIBD dalam inisiatif berkenaan.

Kementerian Pendidikan adakan Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin, Doa Khas

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

TUNGKU LINK, Isnin, 19 Januari. - Kementerian Pendidikan hari ini turut mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi Merafakkan Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertempat di Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Acara dimulakan dengan Majlis Sembahyang Sunat Hajat

Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid UBD, Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Sabin.

Ini diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas bagi merafakkan kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis tersebut diadakan bagi memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas.

keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan. Turut hadir ialah

Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib Canselor UBD, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua

jabatan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

KSSUP komited dalam melaksanakan pembaikan, perubahan, inisiatif berterusan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

"Bagi Fokus Pertama adalah untuk Meningkatkan Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Agrifood, sejajar dengan Food Industry Roadmap yang telah dirangka, pelbagai program dan inisiatif telah dirangka, bukan saja bagi meningkatkan keluaran daripada *industry primary* sektor makanan, seperti hasil daripada industri ternakan, tanaman dan perikanan, bahkan usaha juga turut dilipatgandakan bagi membangunkan dan mengembangkan lagi *industry secondary* iaitu keluaran dari aktiviti-aktiviti industri pemprosesan dan nilai tambah berasaskan pertanian dan perikanan (atau agrimakanan).

"Tahun demi tahun kita dapat menyaksikan peningkatan keluaran secara keseluruhan,

termasuk kejayaan mencapai tahap sara diri melebihi 100 peratus bagi ayam pedaging dan telur, serta pertumbuhan kukuh dalam sektor perikanan," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, bagi Fokus Kedua, sektor pelancongan pula, usaha-usaha kementerian ini adalah bagi mendukung Kemajuan dan Pembangunan Industri Pelancongan di negara ini dengan memfokuskan kepada pembangunan, pengukuhan serta mempromosikan produk-produk pelancongan berteraskan kebudayaan (*culture*), pengembaraan / aktiviti lasak (*adventure*) dan juga alam semula jadi (*nature*) ke arah memastikan industri pelancongan berkualiti tinggi, bernilai tinggi dan mampan serta meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negara ini.

"Seterusnya, bagi Fokus Ketiga,

dalam sektor perhutanan, KSSUP akan terus komited dalam memastikan keperluan serta kepentingan terhadap Pembangunan dan Pemuliharaan Sumber Hutan dapat dipenuhi.

"Dalam perkara ini, pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan, akan terus memastikan agar usaha-usaha dalam membangun, melindungi serta memulihara sumber hutan negara akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan aktiviti-aktiviti pembangunan negara adalah selaras dengan prinsip pembangunan yang mampan (*sustainable development*).

"Usaha-usaha ini termasuk pemulihan hutan, pensijilan, pembangunan industri hiliran kayu, serta penerokaan mekanisme pasaran karbon sedang dilaksanakan secara berperingkat dengan asas perundangan, tadbir urus dan piawaian antarabangsa yang kukuh," ujar Yang Berhormat

pada Sesi Muzakarah yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP, hari ini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, kesemua inisiatif ini dilaksanakan berlandaskan pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation, dengan kerjasama erat antara kementerian, agensi, sektor swasta, institusi kewangan, akademia dan komuniti.

"Matlamat akhirnya adalah jelas, untuk membina ekonomi sumber utama dan pelancongan yang kukuh dari segi sekuriti makanan; berdaya saing di pasaran serantau; lestari dari sudut alam sekitar; inklusif dari sudut penyertaan rakyat, dan menyumbang secara bermakna kepada kemakmuran negara di bawah Wawasan Brunei 2035," tambah Yang Berhormat lagi.

Mengakhiri ucapan, Yang Berhormat juga menegaskan bahawa keupayaan negara dalam membangunkan ekonomi bukan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap.

hanya terletak pada usaha kerajaan sahaja, tetapi juga bergantung kepada sokongan, inovasi dan daya saing sektor swasta serta rakyat keseluruhannya.

SESI MUZAKARAH BENTANGKAN PENCAPAIAN 2025, HALA TUJU STRATEGIK KSSUP



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Januari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) hari ini mengadakan Sesi Muzakarah Bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.

Hadir pada Sesi Muzakarah tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Seramai 16 Ahli MMN yang diketuai oleh Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' hadir pada Sesi Muzakarah berkenaan.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap I, KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi; pengarah-pengarah jabatan dan ketua-ketua bahagian serta pegawai-pegawai kanan KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sesi Muzakarah dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, yang antara lain mengongsikan inisiatif, hala tuju strategik dan fokus utama dalam meningkatkan keluaran industri sumber-sumber utama dan memajukan industri pelancongan serta pencapaian dan sasaran keluaran sektor KSSUP.

Sesi diteruskan dengan taklimat mengenai pencapaian dan perkembangan bagi tahun 2025 dan hala tuju sektor sumber-sumber utama dan pelancongan yang disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap I,

KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree, antara lain menjelaskan mengenai tahap sara diri komoditi dalam sektor makanan kemajuan industri pelancongan serta pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan.

Menurutnya, kementerian juga mendukung usaha kemajuan dan pembangunan industri pelancongan melalui pengukuhan promosi dan pemasaran, pembangunan produk dan infrastruktur pelancongan, peningkatan kualiti perkhidmatan serta pembangunan kapasiti tenaga kerja, di samping memperkukuh kesalinghubungan dan kerjasama strategik bagi meningkatkan daya saing serta sumbangan sektor pelancongan kepada sosioekonomi negara.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa kementerian akan terus berusaha secara bersepadu serta meningkatkan keluaran sektor pertanian dan agrimakanan dan perikanan melalui pengukuhan dasar dan perancangan strategik, peningkatan produktiviti dan nilai tambah, pembangunan kapasiti sumber manusia, pemeraksanaan rantaian nilai, peluasan akses pasaran termasuk eksport, serta penerapan prinsip kelestarian dan inovasi bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan.

Majlis diteruskan dengan sesi perbincangan dan soal jawab. Pada tahun 2025, tahap sara diri bagi komoditi tumpuan dalam sektor makanan menunjukkan pencapaian yang pelbagai. Bekalan telur ayam telah melebihi keperluan domestik dengan 112 peratus, manakala ayam pedaging



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir pada Sesi Muzakarah Bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan seterusnya bergambar ramai (atas kiri dan atas).

mencapai 100 peratus.

Tahap sara diri bagi daging kerbau dan lembu adalah sekitar 1.6 peratus dan bekalan beras yang masih bergantung kepada import dengan hanya 8.5 peratus dari pengeluaran tempatan. Sayur-sayuran tropika mencatatkan 78 peratus dan buah-buahan tropika 43 peratus, sementara bekalan ikan dan udang telah mencapai sekitar 63 peratus.

Sehubungan itu, pihak kementerian akan terus memperkukuh kerjasama dengan pihak berkepentingan bagi meningkatkan tahap sara diri makanan negara, khususnya sayur-sayuran, buah-buahan tropika dan industri padi, serta mempelbagaikan sumber import bagi menjamin sekuriti makanan yang mampan.

Pelbagai strategi dan inisiatif telah dikongsikan untuk memperkukuh ekosistem rantaian nilai industri makanan yang meliputi fasa daripada mendapatkan bahan input, pengeluaran, hingga akses pasaran.

Ini termasuk inisiatif dan program yang bertujuan untuk meningkatkan serta mengukuhkan sekuriti makanan, di samping

mempromosikan ekonomi kitaran ke arah kelestarian alam sekitar melalui penerapan konsep Pertanian Regeneratif.

Usaha untuk meningkatkan dan memperkukuh industri agrimakanan sedang giat dilaksanakan melalui pelbagai program seperti Product Enhancement serta Program Peningkatan Kapasiti yang bertujuan untuk memudahkan pengusaha dalam memperluas perniagaan mereka ke pasar raya utama serta meneroka peluang pasaran eksport.

Kementerian juga mendukung usaha kemajuan dan pembangunan industri pelancongan melalui pengukuhan promosi dan pemasaran, pembangunan produk dan infrastruktur pelancongan, peningkatan kualiti perkhidmatan serta pembangunan kapasiti tenaga kerja, di samping memperkukuh kesalinghubungan dan kerjasama strategik bagi meningkatkan daya saing serta sumbangan sektor pelancongan kepada sosioekonomi negara.

Pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan akan terus melaksanakan usaha-usaha pemuliharaan dan pembangunan

sumber hutan secara mampan melalui pengukuhan dasar biodiversiti, pemulihan dan penghijauan hutan, pengurusan konflik manusia dan hidupan liar, serta penggunaan teknologi dan data saintifik bagi pengurusan hutan lestari.

Di samping itu, Jabatan Perhutanan turut memacu pembangunan industri perkayuan bernilai tambah, meneroka inisiatif perdagangan karbon, dan menyokong pelancongan berasaskan alam semula jadi bagi meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada ekonomi negara.

Pihak kementerian akan terus berusaha secara bersepadu dan menyeluruh untuk mempelbagaikan serta meningkatkan keluaran sektor pertanian dan agrimakanan dan perikanan melalui pengukuhan dasar dan perancangan strategik, peningkatan produktiviti dan nilai tambah, pembangunan kapasiti sumber manusia, pemeraksanaan rantaian nilai, peluasan akses pasaran termasuk eksport serta penerapan prinsip kelestarian dan inovasi bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan.

PROGRAM KEMBARA ZAKAT DITERUSKAN DI DAERAH TUTONG



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Isnin, 19 Januari. - Program Kembara Zakat 2026 yang diselenggarakan oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi ke Daerah Tutong bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, hari ini.

Program tersebut antara lain adalah bagi menyampaikan maklumat serta memberikan penerangan kepada Penghulu dan Ketua-ketua Kampung berkaitan pengurusan permohonan bantuan zakat, perkhidmatan JUZWAB di bawah Sistem Kebajikan Negara (SKN) serta pengenalan mengenai wakaf dan baitulmal, juga dalam usaha mempertingkatkan

perkhidmatan pengurusan zakat, wakaf dan baitulmal di Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama dalam program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Mislé bin Haji Abd. Karim.

Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad dan Ketua Pegawai Ugama Tutong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, KHEU, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Program dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan alu-aluan. Majlis diteruskan dengan taklimat yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusan, Zakat, Waqaf dan Baitulmal, KHEU, Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra.

Program Kembara Zakat 2026 turut memuatkan Klinik Zakat yang dibukakan bagi memberikan panduan dan bantuan berhubung tatacara permohonan SKN, pengiraan zakat, pengiraan fidyah dan lain-lain serta lain-lain perkara yang berkaitan.

Adalah diharapkan semoga dengan adanya program ini akan dapat menjalinkan kerjasama yang lebih aktif khususnya bagi mempermudah pengurusan bantuan serta penyampaian perkhidmatan agama kepada anak buah kampung masing-masing.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir sama dalam program tersebut (kiri dan atas).



Meningkatkan kesedaran warga emas dengan jenayah siber



SERIA, Isnin, 19 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Bahagian Siasatan Jenayah Siber, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait dan Jawatankuasa Keselamatan Daerah Belait pada pagi tadi telah memberikan taklimat yang bertajuk 'Jenayah Siber - Penipuan Dalam Talian (Online Scam)' khusus kepada golongan warga

emas di Daerah Belait yang berlangsung di Dewan Pusat Insani, Seria.

Hadir pada sesi taklimat berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat, Daerah

TAKLIMAT berkenaan merupakan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga emas yang semakin terdedah dengan jenayah siber terutama sekali yang berkaitan dengan penipuan dalam talian.

Belaït, penghulu-penghulu mukim, pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku ketua-ketua kampung serta para warga emas Daerah Belait.

Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad dari Bahagian Siasatan Jenayah Siber, JSJ, PPDB.

Tujuan taklimat berkenaan diadakan adalah sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk membanteras jenayah di Daerah Belait khususnya jenayah siber yang semakin meningkat pada masa ini.

Taklimat berkenaan juga merupakan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga emas yang semakin terdedah dengan jenayah siber terutama sekali yang berkaitan dengan penipuan dalam talian.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir pada sesi taklimat berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Bukit Sawat, Daerah Belait.

Taklimat berkenaan juga diisikan dengan sesi soal jawab. Dengan adanya taklimat berkenaan, masyarakat sama-sama diingatkan bahawa usaha untuk membanteras jenayah adalah tanggungjawab

bersama terutama dalam meningkatkan kewaspadaan di samping memberikan kesedaran dan peringatan akan bahayanya jenayah siber yang telah dan terus menyebabkan kerugian kewangan yang signifikan.

UTB PERLU MEMPERLUAS JARINGAN KOLABORASI DENGAN INDUSTRI, UNIVERSITI LUAR NEGARA



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara penerima Anugerah Khas Ulang Tahun UTB Ke-40 dalam Kategori Anugerah Jasawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Januari. - Kerjasama dan kolaborasi strategik antara pihak industri serta syarikat swasta dengan Universiti Teknologi Brunei (UTB) dilihat semakin berkembang pesat dan memberi impak positif terhadap kebolehpasaran graduan universiti berkenan.

Hubungan erat berkenaan bukan sahaja memperkukuh ekosistem pendidikan tinggi negara, malah membuka lebih banyak peluang kerjaya kepada graduan sebaik sahaja menamatkan pengajian.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman yang merupakan mantan Menteri Pendidikan dari 2015 hingga 2018, dan juga penerima Anugerah Khas Ulang Tahun UTB Ke-40 dalam Kategori Anugerah Jasawan.

Jelas Yang Berhormat, pada masa kini semakin banyak syarikat menjalin kerjasama dengan UTB melalui penawaran latihan industri, penempatan praktikal serta laluan kerjaya yang jelas kepada para pelajar dan graduan.

Inisiatif berkenaan kata Yang Berhormat, sekali gus menyediakan peluang pekerjaan yang lebih luas dan tersusun, selaras dengan perkembangan yang disifatkan sebagai satu

■ **Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

langkah yang amat baik memandangkan kebanyakan graduan sememangnya akan memasuki pasaran pekerjaan sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian.

Selanjutnya, Yang Berhormat juga menjelaskan kursus dan program pengajian yang ditawarkan oleh UTB juga perlu sentiasa selari dengan keperluan serta permintaan semasa industri agar graduan yang dilahirkan benar-benar memenuhi kehendak pasaran kerja.

"Pengiktirafan industri terhadap program-program pengajian UTB dilihat sebagai elemen penting dalam memastikan graduan memiliki kemahiran, pengetahuan dan kebolehan yang relevan. Pada masa yang sama, pihak industri turut mendapat manfaat melalui peluang mengenal pasti bakat berpotensi lebih awal, khususnya menerusi program latihan industri dan pengalaman praktikal yang dilalui oleh para pelajar.

"Dalam usaha meningkatkan nilai tambah pendidikan tinggi, UTB juga digesa memastikan program-program yang ditawarkan mempunyai akreditasi tertentu, bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan pengiktirafan daripada institusi profesional, universiti serta badan akreditasi dari dalam dan luar negara diyakini mampu melonjakkan reputasi UTB serta memperkukuh kedudukannya di peringkat global.

Selain kerjasama dengan institusi tempatan, kata Yang Berhormat lagi, UTB turut disaran memperluas jaringan kolaborasi dengan industri dan universiti luar negara. Langkah ini bukan sahaja akan memperkasa kualiti program pengajian, malah memastikan kursus yang ditawarkan mempunyai pengiktirafan antarabangsa, sekali gus meningkatkan daya saing graduan UTB di pasaran global.

Dalam menghadapi landscape pendidikan dan pekerjaan masa kini yang semakin dipacu oleh

Kecerdasan Buatan (AI) serta teknologi canggih Yang Berhormat selanjutnya menyarankan agar UTB perlu bersedia untuk terus bersaing dengan universiti lain di peringkat serantau dan antarabangsa.

"AI bukan lagi satu pilihan, sebaliknya menjadi keperluan yang semakin dominan dalam dunia pekerjaan moden. Justeru, persediaan pelajar perlu dilaksanakan secara menyeluruh, bukan sahaja di peringkat universiti dan teknikal, malah bermula sejak peringkat sekolah menengah bagi membentuk kesediaan awal menghadapi cabaran dunia teknologi dan AI yang berkembang pesat," ujar Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman yang juga penerima Anugerah Khas Ulang Tahun UTB Ke-40 dalam Kategori Anugerah Jasawan, memaklumkan bahawa beliau mula memegang jawatan sebagai Pemangku Naib Canselor pada 2012 sebelum ditetapkan pelantikannya sebagai Naib Canselor UTB pada 2015.

Sejak itu, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah melihat wujud potensi besar untuk Institut Teknologi Brunei (ITB), yang kemudiannya dinaik taraf kepada UTB, untuk terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah universiti berteraskan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

Menurut Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah lagi, UTB merupakan universiti di Negara Brunei Darussalam yang memberi tumpuan khusus kepada bidang berkenaan, sekali gus mempunyai potensi besar dalam menarik kemasukan pelajar dalam bidang berkaitan.

"Berasaskan kekuatan itu, beberapa hala tuju strategik telah digariskan, termasuk usaha untuk menempatkan UTB dalam penarafan universiti dunia. Berasaskan kekuatan tersebut, beberapa hala tuju strategik telah dirangka, termasuk usaha berterusan untuk menempatkan

UTB dalam penarafan universiti dunia.

"Alhamdulillah, selepas beberapa tahun, UTB berjaya menembusi penarafan universiti dunia pada 2017 buat pertama kali dengan kedudukan dalam kelompok 400 universiti terbaik.

"Seterusnya, UTB turut tersenarai dalam penarafan universiti Asia dalam kelompok 100 terbaik," ujar Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah lagi.

Seiring dengan pencapaian tersebut tambah Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah, UTB turut menjalankan penanda aras dan mendapati terdapat beberapa program pengajian yang perlu dilengkapkan. Antara bidang baharu yang dikenal pasti termasuk seni bina, reka bentuk produk, serta sains dan teknologi makanan.

Bidang-bidang berkenaan kata Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah lagi, kemudiannya diperkenalkan melalui penawaran program baharu serta penubuhan sekolah-sekolah akademik yang khusus.

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah turut menjelaskan bahawa struktur akademik UTB telah disusun semula, antaranya dengan memisahkan Fakulti Perniagaan dan Fakulti Pengkomputeran kepada dua entiti berasingan, iaitu UTB School of Business, dan School of Computing and Informatics.

Langkah berkenaan jelas Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah, bertujuan memperluaskan penawaran program agar lebih menarik minat pelajar, termasuk lepasan Politeknik Brunei. Selain itu, UTB juga kini menawarkan program teknologi fesyen sebagai sebahagian daripada usaha memperkaya bidang pengajian.

Hasil daripada perkembangan ini kata Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah, UTB yang dahulunya hanya mempunyai beberapa fakulti kini berkembang kepada enam sekolah dan fakulti, selain pusat-pusat pembelajaran khusus.

Menyentuh mengenai usaha



NAIB Canselor UTB penerima Anugerah Khas Ulang Tahun UTB Ke-40 dalam Kategori Anugerah Jasawan.

meningkatkan penarafan universiti, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah menegaskan bahawa UTB sentiasa melalui proses evolusi berterusan.

Walaupun berhadapan persaingan daripada universiti baharu yang lebih dinamik, statistik dan pencapaian UTB menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun.

"Namun demikian, saya mengakui bahawa penarafan antarabangsa memerlukan pembiayaan yang besar, khususnya bagi menarik tenaga akademik berkaliber tinggi.

"Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan sokongan yang mencukupi untuk membolehkan UTB terus mara ke hadapan. Apa yang ada akan terus diperbaiki, diperkukuh dan dipertingkatkan agar UTB menjadi sebuah universiti yang lebih cemerlang dan berdaya saing.

"Dalam perkembangan berkaitan AI, UTB telah mengintegrasikan elemen AI dalam semua modul pengajian. Walau bagaimanapun, penggunaannya dikawal melalui garis panduan dan peraturan tertentu bagi memastikan integriti akademik agar ia dapat dimanfaatkan secara positif untuk meningkatkan kreativiti, inovasi dan kualiti pembelajaran," ujarnya lagi.

Keputusan Peperiksaan BCGCE 'A', 'AS' Sesi Oktober / November dikeluarkan

■ **Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pendidikan**

BERAKAS, Isnin, 19 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan sukacita memaklumkan bahawa Keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) Peringkat 'A' dan 'AS' sesi Oktober / November 2025 telah dikeluarkan hari ini.

Seramai 1,233 calon telah menduduki Peperiksaan BCGCE Peringkat 'A' Sesi Oktober / November 2025. Daripada jumlah ini, seramai 1,166 adalah calon sekolah.

Seramai 1,065 calon sekolah (91.34 peratus) telah memperoleh 2 'A' Level dan ke atas. Manakala calon sekolah yang memperoleh 3 'A' Level dan ke atas adalah seramai 889 (76.24 peratus).

Sementara itu, seramai 112 calon sekolah telah berjaya memperoleh Gred A*/A dalam

sekurang-kurangnya dua mata pelajaran, 57 calon memperoleh Gred A*/A dalam tiga mata pelajaran dan 15 calon berjaya memperoleh Gred A*/A dalam sekurang-kurangnya empat mata pelajaran.

Bagi Peperiksaan BCGCE Peringkat 'AS' pula, seramai 1,031 calon telah menduduki peperiksaan berkenaan bagi Sesi Oktober/November 2025. Daripada jumlah ini, seramai 1,027 adalah calon sekolah.

Seramai 761 calon sekolah (74.10 peratus) telah memperoleh 2 'AS' Level dan ke atas. Manakala calon sekolah yang memperoleh 3 'AS' Level dan ke atas adalah seramai 558 (54.33 peratus).

Seramai 57 calon sekolah berjaya memperoleh Gred A di dalam sekurang-kurangnya dua mata pelajaran, 21 calon

memperoleh Gred A di dalam sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran dan empat calon memperoleh Gred A di dalam sekurang-kurangnya empat mata pelajaran.

Penuntut-penuntut yang telah mengambil peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing.

Manakala calon-calon persendirian dikehendaki mengambil slip keputusan mereka di kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka mulai Selasa, 20 Januari 2026.

Bagi mana-mana calon yang berhasrat untuk memperbaiki pencapaian keputusan Peperiksaan BCGCE Peringkat 'A' dan 'AS', pendaftaran bagi Sesi Mei / Jun Tahun 2026 masih dibukakan dan tarikh tutup

Tahun	Jumlah Calon Sekolah memperoleh Gred A*/A dalam sekurang-kurangnya		
	2 mata pelajaran	3 mata pelajaran	4 mata pelajaran
2025	112	57	15

Tahun	Jumlah Calon Sekolah memperoleh Gred a dalam sekurang-kurangnya		
	2 mata pelajaran	3 mata pelajaran	4 mata pelajaran
2025	57	21	4

pendaftaran ialah pada Khamis, 12 Februari 2026.

Bagi calon-calon sekolah yang berhasrat untuk mendaftar Peperiksaan BCGCE Peringkat 'A' dan 'AS' Sesi Mei / Jun Tahun 2026 hendaklah melalui pihak sekolah masing-masing.

Maklumat lanjut bagi pendaftaran peperiksaan bagi

Sesi Mei / Jun Tahun 2026 bolehlah diperoleh dengan melayari laman web Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau ke kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Membayar Zakat Binatang Dengan Binatang Yang Baru Dibeli Atau Dengan Nilai

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

DALAM konteks zakat binatang ternak, binatang ternak yang dikenakan zakat jika memenuhi syarat-syarat tertentu ialah unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri. Syariat telah menetapkan kaedah pelaksanaan zakat binatang ternak ini dengan sangat terperinci termasuklah *nishab* (bilangan minima binatang yang mewajibkan zakat), *haul* (tempoh pemilikan binatang mencecah satu tahun *qamariah*), jenis-jenis binatang dan umur binatang yang wajib dikeluarkan sebagai bayaran zakat. Sebagai contoh, *nishab* atau bilangan minima kambing atau biri-biri yang dikenakan zakat ke atas pemiliknya ialah 40 ekor. Sama ada 40 ekor itu kambing sahaja atau biri-biri sahaja atau jumlah kedua-duanya mencapai 40 ekor. Oleh itu, jika seseorang memiliki *nishab* kambing atau biri-biri sejumlah ini dan pemilikannya itu mencapai *haul* (satu tahun *qamariah*) serta dia memenuhi syarat-syarat tertentu, maka dia diwajibkan membayar zakat binatang ternaknya itu. Jenis dan umur binatang yang wajib dikeluarkannya sebagai bayaran zakat ialah seekor biri-biri betina yang berumur setahun atau seekor kambing betina yang berumur dua tahun.

Berkaitan mengenai membayar zakat binatang ternak ini, terdapat pemilik binatang ternak enggan membayar zakat binatang ternaknya dengan menyerahkan binatang ternak yang dimilikinya dengan alasan dia menyayangi binatang ternaknya itu dan ingin terus memilikinya. Maka sebagai alternatif, dia membeli binatang yang sejenis dengan binatang yang wajib dikeluarkannya sebagai bayaran zakat lalu mengeluarkannya sebagai zakat, atau dia membayar zakat binatang ternaknya dengan hanya menyerahkan wang yang senilai dengan harga binatang yang wajib dikeluarkannya sebagai bayaran zakat. Persoalannya, adakah kedua-dua cara ini menepati kehendak syara'?

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu'* berkata bahawa yang

wajib dalam membayar zakat ialah mengeluarkan harta yang sejenis dengan harta yang wajib dikeluarkan sebagai bayaran zakat, bukan daripada *'ain* (fizikal) harta yang mencapai *nishab* sebagaimana kata beliau:

Ertinya: *Bahawa yang wajib (dalam membayar zakat itu) ialah mengeluarkan zakat (dengan menyerahkan harta yang) sejenis dengan hartanya (yang wajib dia keluarkan sebagai bayaran zakat), bukan daripada 'ainnya (harta yang mencapai nishab).*

Maksud harta yang sejenis dengan harta yang wajib dikeluarkan sebagai bayaran zakat dalam konteks zakat binatang ternak ini ialah, jika binatang yang syara' wajibkan untuk dikeluarkan sebagai bayaran zakat itu ialah seekor biri-biri betina yang berumur setahun atau seekor kambing betina yang berumur dua tahun, maka binatang yang dimaksudkan sejenis dengannya itu ialah seekor biri-biri yang kriterianya sama seperti yang ditentukan oleh syara' iaitu betina dan umurnya setahun, atau seekor kambing yang kriterianya sama seperti yang ditentukan oleh syara' iaitu betina dan berumur dua tahun. Dalam erti kata lain, maksud binatang yang sejenis itu ialah jenis dan kriterianya menepati jenis dan kriteria binatang yang syara' wajibkan untuk dikeluarkan sebagai bayaran zakat.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan lagi bahawa membayar zakat dengan mengeluarkan bukan daripada *'ain* harta yang mencapai *nishab*, tetapi dengan mengeluarkan harta yang sejenis dengan harta yang wajib dikeluarkan sebagai bayaran zakat, bukanlah dikira berpaling daripada mengeluarkan sesuatu yang diwajibkan kepada membayar dengan nilai harta itu sebagaimana kata beliau:

Ertinya: *Maka (mengeluarkan zakat dengan menyerahkan harta yang sejenis dengan harta yang wajib dikeluarkan sebagai bayaran zakat, bukan daripada 'ain harta yang mencapai nishab) tidak (dikira) berpaling daripada (mengeluarkannya) apa yang diwajibkan kepada (mengeluarkannya dengan) nilai.*

Adapun yang dikira mengeluarkan nilai dalam zakat itu ialah seperti mengeluarkan wang senilai binatang yang wajib dikeluarkan sebagai bayaran zakat,

sebagai contoh, mengeluarkan wang tunai senilai seekor kambing, atau mengeluarkan selain wang seperti pakaian yang senilai dengan harga binatang yang wajib dikeluarkan sebagai bayaran zakat.


Terkait dengan perkara mengeluarkan nilai dalam zakat ini, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu'* menjelaskan bahawa nas-nas Imam asy-Syafi'i *Rahimahullah* telah sepakat mengatakan bahawa mengeluarkan nilai dalam zakat adalah tidak dibolehkan. Menurut beliau lagi, perkara ini turut diputuskan oleh Imam Abu Ishaq asy-Syirazi dan jumhur *al-ashhab* (para ulama asy-Syafi'i) *Rahimahumullah* sebagaimana kata beliau:

Ertinya: *Telah sepakat nas-nas asy-Syafi'i Radhiallahu 'anhu bahawa sesungguhnya tidak harus mengeluarkan nilai dalam zakat dan ini yang diputuskan oleh pengarang (kitab al-Muhadzdzab iaitu Imam Abu Ishaq asy-Syirazi Rahimahullah) dan jumhur al-ashhab.*

Para ulama asy-Syafi'i *Rahimahumullah* berpendapat tidak boleh mengeluarkan nilai dalam zakat berdasarkan bahawa syara' telah menetapkan binatang-binatang tertentu sebagai sesuatu yang wajib dikeluarkan sebagai bayaran zakat seperti *bint makhadh* (unta betina yang usianya setahun memasuki dua tahun), *bint labun* (unta betina yang usianya dua tahun memasuki tiga tahun), *hiqqah* (unta betina yang usianya tiga tahun memasuki empat tahun), *jadza'ah* (unta betina yang usianya empat tahun memasuki lima tahun), *tabi'* (lembu yang usianya setahun), *musinnah* (lembu yang berusia dua tahun), *syah* (seekor kambing atau biri-biri), *syiah* (beberapa ekor kambing atau biri-biri) dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ketidakharusan mengeluarkan nilai dalam zakat ini hanya terpakai apabila tidak terdapat sebarang keadaan darurat sahaja. Sebaliknya, jika timbul darurat yang diiktiraf oleh syara', maka harus mengeluarkan nilai dalam zakat.

Adapun antara keadaan darurat yang mengharuskan mengeluarkan zakat binatang ternak dengan nilai itu ialah ketidakmungkinan untuk mendapati binatang yang wajib dikeluarkan sebagai bayaran zakat atau yang sejenisnya setelah kehilangan binatang tersebut. Sebagai contoh, orang yang diwajibkan mengeluarkan seekor kambing kehilangan kambingnya dan tidak mungkin untuk dia mendapati semula kambing tersebut atau yang sejenisnya. Maka dalam keadaan ini, dia harus mengeluarkan nilainya sebagai zakat.

Contoh yang lain pula ialah seseorang yang diwajibkan untuk mengeluarkan binatang tertentu sebagai bayaran zakat tidak mendapati jenis binatang yang wajib dikeluarkan tersebut, sama ada kerana ia



tidak ada dalam hartanya ataupun kerana seseorang itu tidak mampu untuk mendapatkannya dengan membeli. Sebagai contoh, orang yang wajib mengeluarkan *bint makhadh* (unta betina yang usianya setahun memasuki dua tahun) sebagai bayaran zakat daripada 25 ekor unta peliharaannya, akan tetapi dia tidak mendapatinnya, dan tidak juga mendapati *bint labun* (unta jantan yang usianya dua tahun memasuki tiga tahun) yang boleh dijadikan ganti *bint makhadh* ketika ketiadaannya, sama ada kedua-duanya tidak ada dari kalangan unta-unta miliknya atau dia tidak mampu mendapatkan salah satu daripada keduanya dengan membeli. Maka dalam keadaan ini, orang tersebut harus mengeluarkan nilai *bint makhadh* sebagai bayaran zakat. Selain itu, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu'*, perkara yang juga dikira darurat yang mengharuskan mengeluarkan zakat binatang ternak dengan nilai ialah apabila pemerintah menetapkan supaya pembayar zakat binatang ternak membayarnya dengan nilai.

Berdasarkan kesemua penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa mengeluarkan zakat dengan binatang yang baru dibeli adalah diharuskan asalkan jenis dan kriteria binatang yang baru dibeli itu menepati jenis dan kriteria binatang yang wajib dikeluarkan sebagai bayaran zakat. Ini kerana yang wajib dalam membayar zakat binatang ternak itu ialah membayar zakat dengan mengeluarkan binatang yang jenisnya dan kriterianya menepati jenis dan kriteria binatang yang telah ditetapkan oleh syara' sebagai bayaran zakat, dan tidak semestinya daripada *'ain* atau kalangan binatang yang mencapai *nishab*. Adapun mengeluarkan nilai dalam zakat binatang ternak, seperti mengeluarkan wang mengikut nilai binatang yang wajib dikeluarkan sebagai bayaran zakat, adalah tidak dibolehkan melainkan dalam keadaan darurat sahaja.

Demikian penjelasan mengenai membayar zakat binatang dengan binatang yang baru dibeli atau dengan nilai.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAN ALLAH
كلولان قوسه دعوه اسلاميه

"**D**AN (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan jelas-jelasnya): "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Surah Ibraahiim : 7

Mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala merupakan satu kewajipan yang sangat dianjurkan bagi umat Islam. Nikmat yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan ke

Mensyukuri nikmat

atas hamba-hamba-Nya sangat luas dan tidak terhitung jumlahnya. Setiap detik dalam hidup kita adalah nikmat dari Allah Subhanahu Wata'ala yang tanpa kita sedari seperti udara yang kita hirup, kesihatan, rezeki, keluarga, keamanan, keselamatan sehinggalah kesempatan untuk kita beribadah, semuanya adalah nikmat yang patut disyukuri. Namun, seringkali kita lalai dalam mengungkapkan rasa syukur. Padahal bersyukur tidak hanya mendatangkan reda Allah tetapi juga membuka pintu rezeki dan kebahagiaan sebagaimana ayat di atas. Ayat di atas juga menunjukkan bahawa bersyukur merupakan jalan untuk mendapatkan tambahan nikmat dari Allah Subhanahu Wata'ala, sedangkan kufur nikmat akan membawa akibat

sebaliknya. Ketika hati selalu mensyukuri, Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa menambah nikmat.

Mensyukuri nikmat tidak hanya terbatas pada hal-hal besar seperti kekayaan atau kejayaan, tetapi juga mencakupi nikmat-nikmat kecil yang seringkali terabaikan. Dalam kehidupan seharian, kita sering lupa bahawa setiap udara, nafas, kesihatan, kesenangan dan kesempatan hidup adalah bentuk nikmat terbesar. Dengan menyadari hal ini, kita akan menjaga kesihatan dengan makan makanan yang sihat lagi *halalan thayyiban*, berolahraga dan menjaga kebersihan. Inilah salah satu cara yang paling mudah untuk mensyukuri nikmat kesihatan yang diberikan. Dengan memiliki badan yang sihat, kita dapat melaksanakan

kewajipan dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Biasakanlah diri dengan bersyukur setiap kali menerima nikmat, sekecil apa pun, ucapkan "Alhamdulillah" dengan ikhlasnya.

Orang yang bersyukur akan sentiasa menjaga nikmat yang ada agar tidak hilang. Ia menggunakan nikmat tersebut ke arah kebaikan dan bermanfaat. Hati yang bersyukur akan berasa lebih dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan ketenangan jiwa. Selain itu sikap bersyukur juga mengajarkan seseorang untuk lebih optimis dalam menghadapi kehidupan sehariannya, kerana ia percaya bahawa setiap nikmat dan ujian datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan hikmah tertentu.

..."Bersyukurlah kepada Allah". Dan sesiapa yang bersyukur maka dia bersyukur (untuk kebaikan) dirinya sendiri dan sesiapa yang kufur maka sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji".

Surah Luqmaan:12

HIDUP TANPA BULI : SEKOLAH YSHHB TEGASKAN KOMITMEN LINDUNGI KESEJAHTERAAN PELAJAR



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan selaku Ahli Lembaga Tadbir Sekolah YSHHB menyempurnakan Majlis Pelancaran dan Pameran Kempen Kesedaran Anti-Buli bertajuk 'Hidup Tanpa Buli'.

BERAKAS, Isnin, 19 Januari. - Dengan hasrat untuk memperkukuh komitmen bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan memberikan sokongan terhadap kempen kesedaran anti-buli, Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Pelancaran dan Pameran Kempen Kesedaran Anti-Buli bertajuk 'Hidup Tanpa Buli', di sekolah berkenaan, hari ini.

Majlis pelancaran dan pameran kempen kesedaran ini bertujuan menangani isu buli melalui pendekatan holistik yang merangkumi kesedaran, pembinaan kemahiran dan saluran pelaporan

yang jelas.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis pelancaran dan pameran kempen berkenaan yang diadakan di Perpustakaan Sekolah YSHHB itu ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, iaitu selaku Ahli Lembaga Tadbir Sekolah YSHHB.

Majlis dimulakan dengan menyanyikan lagu kebangsaan dan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Selepas ucapan dan kata alu-aluan oleh Penolong Pengarah

■ Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

Urusan (Perkhidmatan Korporat) yang juga selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah bin Haji Ahad, majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada agensi-agensi yang terlibat.

Pelancaran kempen ini telah disempurnakan secara rasmi melalui istiadat pemukulan gong oleh tetamu kehormat, sebagai simbol bermulanya kempen.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Buku Panduan Peraturan Disiplin Sekolah Bilangan 1: Buli 2026 oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB bersama Pengetua Sekolah Menengah YSHHB kepada tetamu kehormat.

Buku panduan ini disediakan berpandukan Buku Peraturan dan Garis Panduan Disiplin Sekolah Rendah, Menengah atau Maktab, Pusat Tingkatan Enam dan Asrama Kerajaan (2025), diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan.

Di samping itu, majlis turut diserikan dengan upacara pemotongan reben bagi perasmian Bilik Kesejahteraan (Wellness Room) baharu sekolah yang akan diurus dan dikendalikan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah.

Majlis diakhiri dengan sesi lawatan ke pameran yang berlangsung di bilik kesejahteraan, perpustakaan dan ruang legar sekolah.

Kempen 'Hidup Tanpa Buli' ini merupakan pembuka tirai kepada inisiatif sepanjang tahun yang dirancang bagi menegenahkan pelbagai aktiviti serta melibatkan seluruh warga sekolah.

Perancangan tersebut merangkumi Pertandingan Perbahasan bertemakan isu buli serta penerapan topik prososial dalam kurikulum sekolah dan Program Tugas Berterusan (CAA).

Para pelajar digalakkan mengekspresikan tema-tema ini melalui saluran kreatif seperti persembahan drama, pameran poster seni, mural sekolah, komik dan video kesedaran hasil penerbitan pelajar.

Selain itu, kempen ini turut mengintegrasikan aktiviti berteraskan Islam, termasuk tazkirah ringkas semasa perhimpunan dan sesi refleksi menggunakan Al-Quran dan hadis bagi memupuk akhlak mulia.

Bagi memastikan akauntabiliti, pihak sekolah juga melaksanakan dasar anti-buli yang lebih tegas, termasuk pengguguran penyertaan keseluruhan kelas daripada aktiviti terpilih sekiranya pelajar dalam kelas tersebut didapati terlibat dalam perbuatan buli sama ada di dalam atau di luar kawasan sekolah.

Salah satu tarikan utama pelancaran tersebut ialah pameran kempen kesedaran pelbagai agensi, di mana para pelajar berpeluang

berinteraksi secara langsung dengan para profesional daripada Unit Bimbingan dan Kaunseling, Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar, Kementerian Pendidikan, Unit Kesejahteraan dan Perkembangan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan.

Selain itu, pelajar juga berpeluang berinteraksi bersama Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Cyber Security Brunei, Kare Medical Clinic, Nadi Al-Qawiyu Al-Amin, Clarity Sdn. Bhd. dan The Play Space.

Hidup Tanpa Buli merupakan satu langkah penting dalam melindungi kesejahteraan emosi dan rohani para pelajar. Melalui gabungan pendidikan, ekspresi kreatif dan nilai-nilai Islam, Sekolah YSHHB telah menegaskan semula komitmennya dalam membina persekitaran yang selamat, saling menghormati dan inklusif, di mana setiap pelajar berasa dihargai.

Pendekatan yang konsisten dan menyeluruh di peringkat sekolah ini memastikan para pelajar, guru dan ibu bapa berkongsi kefahaman yang sama tentang peranan bersama mereka dalam membanteras perbuatan buli serta memupuk komuniti sekolah yang penyayang.



MINDA PEMBACA

Penggunaan Kecerdasan Buatan dalam pendidikan

SEJAK akhir-akhir ini, dunia global disajikan dengan teknologi canggih yang dinamakan Kecerdasan Buatan (AI). Ia adalah komputer atau mesin yang dibuat untuk berfikir dan bertindak seperti manusia. Ia hanya memerlukan peranti dan internet untuk diakses. Di antara contohnya yang popular adalah ChatGPT, Duolingo, Google Maps dan seumpamanya.

AI berfungsi sebagai pencari dan pemberi maklumat terhadap permintaan pengguna. Apa yang menakutkan adalah maklumat yang diberikan bersifat terperinci dan didapati daripada sumber yang pelbagai. Tambahan pula, ia hanya mengambil masa yang sangat singkat

iaitu kurang daripada satu saat. Kini, ia digunakan hampir di setiap aspek kehidupan termasuklah dalam pendidikan.

Negara kita, Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak ketinggalan dalam menerapkan teknologi canggih ini ke dalam sistem pendidikan. Bersempena Majlis Sambutan Hari Guru NBD pada 25 September 2025 yang lalu, Kementerian Pendidikan tampil dengan buku panduan bertajuk 'GenAI Guidance for Education' yang berfungsi sebagai bimbingan dalam menggunakan AI secara beretika di dalam pengajaran, pembelajaran dan pentadbiran pendidikan. Pelancaran buku tersebut telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan telah mengadakan bengkel bertajuk 'AI Guidance for Schools Toolkit' pada 25 Jun 2024. Ia bertujuan untuk memperkenalkan ketua-ketua kluster, pemimpin-pemimpin sekolah dan guru-guru kepada AI Guidance for Schools Toolkit yang bertindak sebagai sokongan dalam menghasilkan panduan terbaik bagi penerapan AI di peringkat rendah dan menengah sekolah di samping mengurangkan risiko terhadap masyarakat.

Selaku rakyat, marilah sama-sama berganding bahu menyokong usaha Kementerian Pendidikan dalam memanfaatkan AI dalam pendidikan secara beretika dan bersederhana dan seterusnya menjadi rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya khususnya dalam Revolusi Perindustrian 4.0 kini.

Nama : Abdul Hadi bin Rosnan
No. K/P : 01-075XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Peranan 1K1P dalam Memperkasakan Komuniti Kampung'. Tarikh Tutup : 21 Januari 2026
2. 'Ancaman Berita Palsu terhadap Generasi Digital'. Tarikh Tutup : 28 Januari 2026
3. 'Kesan Pelaburan Asing Terhadap Ekonomi Tempatan'. Tarikh Tutup : 4 Februari 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MEMPERKUKUH HUBUNGAN UKHUWAH, JARINGAN KERJASAMA



LAWATAN dari Persatuan Ulama Malaysia ke Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama bertujuan untuk memperkukuh hubungan ukhuwah serta meningkatkan jaringan kerjasama dalam bidang dakwah, keilmuan dan pembangunan ummah (kiri dan kanan).

pegawai kanan PDI.

Atur cara lawatan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis seterusnya diserikan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah PDI diikuti dengan ucapan Yang Di-Pertua PUM Pusat, Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah.

Rombongan seterusnya mendengarkan taklimat berkaitan perkembangan da'wah sebelum diteruskan dengan sesi perbincangan.

Lawatan rasmi ilmiah ini

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



bertujuan untuk memperkukuh hubungan ukhuwah serta meningkatkan jaringan kerjasama dalam bidang dakwah, keilmuan dan pembangunan ummah, di

samping menjadi platform pertukaran pandangan, pengalaman dan amalan terbaik dalam pengurusan serta pelaksanaan program dakwah.

PULAIE, Selasa, 20 Januari. - Rombongan seramai 34 orang Ahli Persatuan Ulama Malaysia (PUM) yang diketuai oleh Setiausaha Agung PUM Pusat, Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd. Roslan bin Mohd. Nor, mengadakan Lawatan Rasmi Ilmiah ke Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ketibaan rombongan pelawat dari Malaysia tersebut dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman serta para

31 Ahli PUM adakan lawatan ke SUAMPRIPAHS



SESI bergambar ramai bersama rombongan Persatuan Ulama Malaysia di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha setelah selesai lawatan diadakan.

KATOK, Selasa, 20 Januari. - Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Katok pagi tadi menerima Lawatan Rasmi Ilmiah daripada Persatuan Ulama Malaysia (PUM).

Rombongan seramai 31 orang Ahli PUM tersebut diketuai oleh

Setiausaha Agung PUM Pusat, Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd. Roslan bin Mohd. Nor.

Ketibaan rombongan disambut oleh para pegawai kanan Jabatan Pengajian Islam (JPI) serta pengetua dan guru-guru SUAMPRIPAHS.

Atur cara lawatan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar

dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Penolong Pengarah (Profesional), JPI, Pengiran Mohammad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin.

Majlis seterusnya diteruskan dengan ucapan daripada Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd. Roslan.

Rombongan seterusnya menyaksikan tayangan video mengenai Sistem Pendidikan Ugama dan Arab di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta video pengenalan SUAMPRIPAHS.

Sejurus itu, rombongan dibawa ke ruang legar sekolah bagi menyaksikan persembahan Kalam Jama'ie oleh para pelajar sebelum meneruskan lawatan ke bilik-bilik darjah.

Dalam lawatan berkenaan, rombongan turut berpeluang mendengarkan taklimat bertajuk 'Pelaksanaan Undang-Undang Islam: Kesan dan Cabaran' yang disampaikan oleh Pengarah Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr.

Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh dan Dayang Hajah Fatimah binti Ahmad dari Bahagian Pendakwaan Syari'e, KHEU.

Lawatan tersebut bertujuan memberikan pendedahan mengenai pelaksanaan serta hala tuju pendidikan Ugama dan Arab di NBD, di samping meningkatkan kefahaman berkaitan pelaksanaan perundangan Islam.

Lawatan ini juga berperanan sebagai platform perkongsian ilmu dan pengalaman serta memperkukuh jaringan kerjasama dalam usaha memperkasa pendidikan Islam dan penghayatan terhadap kepentingan undang-undang Islam demi menjamin keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

Eksesais Semangat Waja bermula 21 hingga 30 Januari

Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Januari. - Kementerian Pertahanan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) akan melaksanakan Eksesais Semangat Waja Siri 08 / 2026 bermula Rabu, 21 Januari 2026 hingga Jumaat, 30 Januari 2026, bertempat di beberapa kawasan terpilih di keempat-empat daerah - Daerah Brunei dan Muara, Daerah Temburong, Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Sepanjang tempoh eksesais ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak berasa cemas dengan peningkatan pergerakan aset-aset dan

anggota tentera yang melibatkan laluan darat, udara dan sungai.

Sehubungan itu, para pengguna jalan raya dan sungai yang dijangka terkesan adalah disarankan untuk menggunakan laluan alternatif demi memastikan kelancaran pergerakan dan keselamatan semua pihak.

Orang ramai juga dilarang keras untuk menghampiri, memasuki atau berada di kawasan eksesais bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini, sekali gus memastikan keselamatan awam sentiasa terpelihara.

Dalam masa yang sama, Kementerian Pertahanan turut

menegaskan agar tiada sebarang gambar ataupun rakaman video berkaitan eksesais ini diambil atau disebar di mana-mana platform media sosial bagi memelihara kerahsiaan serta integriti pelaksanaan eksesais berkenaan.

Sebarang penyebaran maklumat yang tidak sahih adalah merupakan satu kesalahan di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 - Penyebaran Maklumat Palsu.

Akhir sekali, Kementerian Pertahanan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas kerjasama serta sokongan orang ramai dalam menjayakan pelaksanaan eksesais ini.



ROMBONGAN berkenaan juga sempat membuat lawatan ke bilik-bilik darjah.


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
Kenyataan Sebut Harga
Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga:

08 / KKBS / HK42 -2026

Pakaian Peserta-Peserta Ikrar
Dan Takbir Serta Koir Upacara
Perhimpunan Agung
Bagi Sambutan Hari Kebangsaan,
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-42,
Tahun 2026

Tarikh Tutup
Sebut Harga:

Khamis,
22 Januari 2026
Jam 2.00 Petang


Bahagian Khidmat
Bakti Negara [BKBN]

Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga
1. Bilangan Sebut Harga:

18 / JULAI / KKBS /
BKBN / 1.40 / 22

Tajuk Sebut Harga:

Pembekalan Serta
Penghantaran Kain
Celoreng Program
Khidmat Bakti Negara

Tarikh Tutup:

Khamis,
29 Januari 2026



Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

1. Bilangan Tawaran:

KUPU SB / JKS / PE /
01-12 / 2025 - 2026

To Design, Fabricate,
Supply, Delivery
And Installation Of Building Logo,
Signages And Boards
At Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

2. Bilangan Tawaran:

KUPU SB / JKS / PE /
02-12 / 2025 - 2026

To Fabricate, Supply,
Deliver And Install New Stainless
Steel Safety Grill And Gate,
Aluminium Louvers And
Stainless Steel Handrail

3. Bilangan Tawaran:

KUPU SB / JKS / PE /
03-12 / 2025 - 2026

Painting Of Road Lines,
Markings And Kerb
At Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

4. Bilangan Tawaran:

KUPU SB / JKS / PE /
01-01 / 2025-2026

To Supply And Install
Of New Air-Conditioning
Units At Hostel Kolej

5. Bilangan Tawaran:

KUPU SB / JKS / PE /
02-01 / 2025 - 2026

Sebut Harga Bagi Membekal,
Menghantar dan Memasang
Langsir Bagi Bilik-Bilik
Di Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

6. Bilangan Tawaran:

KUPU SB / JKS / LIB /
01-01 / 2025 - 2026

Sebut Harga Bagi Membekal
dan Menghantar Sticker RFIID
Tagging Bagi Kegunaan
Perpustakaan Kolej Universiti
Perguruan Ugama
Seri Begawan

Tarikh Tutup:

Rabu,
9 Syaaban 1447H /
28 Januari 2026M


KEMENTERIAN PERTAHANAN
Rujukan Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2025 /
GCAU / MED / TA / 8005
Pembelian Vaksin-Vaksin
Bagi Khidmat Perubatan
dan Kesihatan,
Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:

BND10.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu Selasa, 3 Februari 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
10 Februari 2026
2.00 Petang


**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**
Tawaran:

JPH / 002 / SH / 2568 /
2025 - 2026

Penyediaan Display
Unit Bagi Kegunaan Pameran
Bahagian Industri Perikanan,
Jabatan Perhutanan.

Tarikh dan Jam
Tutup Sebut Harga:

Khamis,
29 Januari 2026
2.00 Petang


**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Bilangan Tawaran:

JDT / BPP / 02 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:

Pengurusan Dan Pengendalian
Tapak Serta Acara Sepanjang
Tempoh Projek Di Kawasan
Tanah Lapang Berhadapan
Dengan Hospital Pengiran
Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah,
Tutong.

Yuran Tawaran:

BND5.00

Tarikh Tutup:

Selasa, 3 Februari 2026


**DAFTAR
SEKARANG**

**PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL REKRUT LELAKI PENGAMBILAN KE-181 DAN
BAKAL-BAKAL REKRUT WANITA PENGAMBILAN KE-61
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**


20 Januari 2026 hingga 29 Januari 2026 (Kecuali
Jumaat, Sabtu, Ahad & Hari Kelepasan Awam)



0830 pagi hingga 1100 pagi
1430 petang hingga 1600 petang



<http://www.mindef.gov.bn>
[Career - Military Recruitment]
bagi tempat/lokasi pendaftaran



18 tahun (semasa mendaftar) dan tidak
melebihi 25 tahun (0 bulan 0 hari) sebelum
latihan bermula pada 11 September 2026



Dewan Gerak Badan Lama, Bolkiah Garrison



Pejabat Pengambilan, Jabatan
Keanggotaan Bolkiah Garrison
Tel: 2385272/ 2385273



Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pertahanan



www.mindef.gov.bn



@mindefbrunei



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

I. Bilangan Sebut Harga:
KHELN / ICT / 2025 / 2KQ07
Quotation For The Leasing Of
PCS For Meeting In ICC,
Berakas

II. Bilangan Sebut Harga:
KHELN / ICT / 2025 / 2KQ08
Quotation For The Leasing Of A3
& A4 Printers For Meeting In ICC,
Berakas

Tarikh Tutup:
Rabu,
28 Januari 2026



Jabatan
Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwat
Luar Negeri

Jawatan-Jawatan Kosong
Di Sekretariat Komanwel,
London,
United Kingdom

Jawatan:
Economic Adviser

Kekosongan:
1

Jawatan:
Legal Adviser

Kekosongan:
1

Tarikh Tutup:
4 Februari 2026

Untuk makluman,
maklumat lanjut mengenai
jawatan-jawatan tersebut
termasuk permohonan boleh
didapati melalui pautan berikut:
<http://thecommonwealth.org/jobs>



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Tawaran
Term Contract for Airconditioning
Maintenance to "DCA Buildings"
For Period of Six (06) Months,
Brunei International Airport. -
FSOR
AME / 2026 – 2027 / SH-02
(Kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
21 Januari 2026, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
3 Februari 2026,
Selasa,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 Februari 2026, Rabu

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Tajuk Tawaran:
The Provision Of Six (6) Months
Maintenance Services Of Airport
Network Equipment System For
Terminal Building At Brunei
International Airport
**TERMINAL / 2026 – 2027 /
SH - 01**

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
21 Januari 2026,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
3 Februari 2026,
Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 Februari 2026, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Tajuk Tawaran:
The Supply And Delivery Of
Portable Push To Talk Device
Bundle With LTE At Brunei
International Airport'
ATELS / 2025 / SH-16 (R)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
21 Januari 2026,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
3 Februari 2026,
Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 Februari 2026,
Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN
PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 077 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of 28 Feet
And 35 Feet Tubular Steel Poles

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama,
Aras 1 Bangunan
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan,
BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Pembekal Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Dalam Kategori
P05 Dan Berdaftar Di Bawah
'Akta Syarikat-Syarikat
Penggah 39' Serta Memiliki
'Perakuan Penubuhan
Syarikat Persendirian' Yang
Sah Sahaja.



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan dan Tajuk Iklan
Tawaran:
JAN-1 / 2026 / JAPEM / KRK / RB
To Supply And Install New
Waterpump At Kompleks
Rumah Kebajikan Subok,
Spg 421

Tarikh Tutup
Iklan Tawaran:
Khamis,
5 Februari 2026
Jam 2.00
Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Dan
Keterangan Tawaran:**
KK / 396 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

**Bilangan Dan
Keterangan Tawaran:**
KK / 397 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery
Of Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

**Bilangan Dan
Keterangan Tawaran:**
KK / 398 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery
Of Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

**Bilangan Dan
Keterangan Tawaran:**
KK / 399 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

**Bilangan Dan Keterangan
Tawaran:**
KK / 400 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND100.00

**Bilangan Dan Keterangan
Tawaran:**
KK / 401 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

**Bilangan Dan Keterangan
Tawaran:**
KK / 402 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

**Bilangan Dan Keterangan
Tawaran:**
KK / 409 / 2025 / UPP
The Supply, Delivery, Installation,
Testing, Commissioning, Warranty
And Maintenance Of Microwave

Ablation Equipment For Radiology
Department, Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha Hospital,
Ministry Of Health,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00

**Bilangan Dan
Keterangan Tawaran:**
KK / 411 / 2025 / LAB (TC)
To Supply And Deliver Rapid
Urease Test Kits For Point Of
Care Testing Section, Department
Of Laboratory Services,
Ministry Of Health
For A Period Of
Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
27 Januari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang




**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**Dibukakan Kepada Pemborong
- Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
Berdaftar Di Bawah Akta Nama
Perniagaan Seksyen 16 & 17 Atau
Sijil Pendaftaran Kontraktor Kelas
II & III Sahaja Atau Lesen
Pembina Authoriti Kawalan
Bangunan Dan Industri
Pembinaan Kementerian
Pembangunan.

Kategori:
KA01 / KA04 / S01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
27 Januari 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 001 / 2026

Nama Projek:
Perkhidmatan Lori Tangki Vakum
Kumbahan Di Daerah Belait Bagi
Tempoh 12 Bulan.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-003-019

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 002 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Pembaikan Paip-Paip Dan
Lurang Pembetulan
Di Mukim Kuala Belait Bagi
Tempoh 24 Bulan.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-003-021

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Kelas:
IV Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 003 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Kerja-Kerja Pembaikan
Paip-Paip Dan Lurang
Pembetulan
Di Mukim Seria Dan Mukim Liang
Bagi Tempoh 24 Bulan.



No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-003-022

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Kelas:
IV Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 004 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Operasi
Dan Penyelenggaraan
Loji Rawatan Air Seria
Dan Stesen Pam Air Mentah
Badas Peringkat 4 Di Daerah
Belait Untuk 36 Bulan.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 /
002-002-002

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
14 Januari 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 3 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / BBA 04 / 2026

Nama Projek:
Melapis Semula Jalan Aspal di
Jambatan Sultan Haji Omar' Ali
Saifuddien (SHOAS)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada


**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
V & VI

Kategori:
KA01
Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
27 Januari 2026

Tarikh

Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 36 / BKTGS /
2025-T / V

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik
Pulih Tanah Susur
Di Kawasan
Kampung Belais,
Temburong

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 37 / CQS /
2025-T / IV

Nama Projek:
Membaik Pulih
Bangunan Pusat Al-Islah,
Biro Kawalan Narkotik

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)


**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
V & VI

Kategori:
B01 & KA01
Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
3 Februari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 Mac 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 38 / CQS / 2025-T / V

Nama Projek:
Design and Build: Retrofitting of
Public Works Department
Headquarters with Green
Initiatives

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)


**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
IV atau V

Kategori:
E01 dan E02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
27 Januari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 01 / 2026

Nama Projek:
Penggantian Dan Menaiktaraf
Sistem Jentera Penjana Kuasa
Di Loji Rawatan Air Sumbiling,
Daerah Temburong

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
14 Januari 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
3 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

1. Bilangan:
JKR / DOR / SRM 01 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih
dan Menurap Semula Aspal



Jalan Raya di Lebu
Raya Tungku
– Tawaran Semula

2. Bilangan:
JKR / DOR / SRM 03 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih
dan Menurap Semula
Jalan Utama – Jalan
Utama Salambigar

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 01 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 02 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 03 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 04 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 05 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 06 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 07 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 08 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery

Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 09 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 10 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 11 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 12 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 13 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 14 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 15 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Tarikh Tutup:
10 Februari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
KK / 01 / 2026 / MOH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Managing State Medical Store And Its Distribution Services For The Ministry Of Health For A Period Of Six (6) Years

Yuran Tawaran:
BND 2,000.00

Tarikh Tutup:
10 Mac 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN BOMBA
DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi:

Membekal Dan Menghantar Foam Making Branch Dan Foam Inductor
(Ruj: JBP / TSH / 44 / 2025-2026)

Supply And Delivery Of Portable And Disposable Gas Detector
(Ruj: JBP / TSH / 45 / 2025-2026)

Membekal Dan Menghantar Peralatan Dan Perkakas Memadam Kebakaran
(Ruj: JBP / TSH / 46 / 2025-2026)

Penyewaan Kantin Dewan Serbaguna Jabatan Bomba Dan Penyelamat (3 Years Contract)
(Ruj: JBP / TSH / 47 / 2025-2026)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
29 Januari 2026
1.50 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00



PERATURAN
PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

**Pemberitahuan
Sebut Harga**

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada Khamis, 5 Februari 2026.

**Borang
Sebut Harga:**
BND7.00

1. JPt / SH / 109 / 2025 - 2026
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'E'

Temburong District, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For The Period Of Twelve (12) Months

2. JPt / SH / 110 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Pemeliharaan Kawasan Di Empangan Imang Kg Panchor Murai, Daerah Brunei Muara Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

3. JPt / SH / 111 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Membersih Longkang Tanah Di KPLB Pengkalan Batu (Simpang 1011) Daerah Brunei Muara



SEMBAHYANG ASAS PEMBENTUKAN AKHLAK, KEHIDUPAN LEBIH BAIK

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Serdang

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Januari. - Menghayati peristiwa agung Israk dan Mikraj yang benar-benar berlaku kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan satu peristiwa penting sebagai renungan dalam memperbaiki amalan dan kehidupan seharian.

Diingatkan kepada para jemaah supaya menjaga sembahyang dengan sebaik-baiknya kerana ia merupakan ibadah utama yang menjadi asas pembentukan akhlak dan kehidupan yang lebih baik.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Awang

Fariszal bin Ali, pada Majlis Ceramah Keagamaan sempena Sambutan Israk dan Mikraj anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Serdang, di sini.

Jelasnya lagi, peristiwa Israk dan Mikraj turut menegaskan kewajipan sembahyang lima waktu sebagai perintah langsung daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, beliau turut menekankan dalam setiap perkara yang dilakukan, umat Islam hendaklah sentiasa mengingati Allah dan meletakkan sepenuh tawakal kepada-Nya.

"Sikap tawakal yang disertai

dengan usaha yang bersungguh-sungguh merupakan ciri orang-orang beriman," ujarnya.

Program ceramah berkenaan diharapkan dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan para jemaah terhadap makna sebenar Israk dan Mikraj serta mendorong mereka untuk terus istiqamah dalam melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

SESI bergambar ramai pada Majlis Ceramah Keagamaan sempena Sambutan Israk dan Mikraj anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Serdang.

Hadir pada majlis berkenaan, Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram; dan Ketua Kampung

Sungai Besar, Serdang dan Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit.



Warga Sekolah PGGMB anjur Sembahyang Sunat Hajat, Doa Khas



MAJLIS Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas khusus untuk kesihatan dan kesejahteraan sempurna dan berkekalan buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas dan bawah).



Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Januari. - Semua sekolah di bawah kawalan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) terdiri daripada Sekolah PGGMB Sungai Akar, Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Lambak, STJ PGGMB Madang dan STJ PGGMB Kuala Belait tidak ketinggalan mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas khusus untuk kesihatan dan kesejahteraan sempurna dan berkekalan buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Hajat Khas telah diadakan secara serentak pagi tadi di sekolah masing-masing yang dipimpin oleh guru-guru agama di sekolah berkenaan.

Hadir dalam majlis berkenaan ialah guru-guru besar iaitu Guru Besar Sekolah PGGMB Sungai Akar, Dayang Maswati Airin Fatrah binti Ahmad; Guru Besar STJ Lambak, Dayang Noridah binti Ahmad; Guru Besar STJ Madang, Dayang Suraimah binti Kawi dan Guru Besar STJ Kuala Belait, Dayang Fazziah binti Haji Kamis serta guru-guru kanan sekolah, guru-guru, kakitangan dan murid-murid sekolah.

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. **Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.**



Foto : Ak. Jefferi bin Pg. Durahman

Ayam Pencen Masak Kunyit Kampung Gadong Baru

BAHAN-BAHANNYA :

1 ekor ayam tua
3 batang Serai
1 sm halia
1 sm lengkuas
5 ulas bawang merah
5 ulas bawang putih
Daun limau purut
Asam kulit
Serbuk kunyit
Ubi kentang
Garam

Ajinomoto
Air

CARA-CARA MEMASAK :

Bersihkan ayam lalu dipotong kepada beberapa bahagian. Kisar bawang putih, bawang merah, lada kering, halia dan lengkuas. Panaskan kuali dan masukkan minyak. Setelah panas masukkan bahan kisaran masak sehingga

kekuningan lalu masukkan serai, asam kulit dan kunyit. Kemudian digaul rata lalu masukkan ayam yang telah dipotong dan tambahkan air yang secukupnya. Setelah ayam setengah masak masukkan ubi kentang yang dipotong. Lalu biarkan mendidih sehingga masak. Akhir sekali tambah garam dan ajinomoto. Siap untuk dihidangkan.

Munajat Khas bagi Memohon Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Daerah Brunei dan Muara



BAGI sama-sama merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh kesungguhan dan harapan, Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD) tidak ketinggalan mengadakan Munajat Khas (atas, kiri dan bawah kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Januari. - Bagi sama-sama merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh kesungguhan dan harapan, Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD) petang tadi mengadakan Munajat Khas bagi Memohon Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diadakan di surau sekolah berkenaan, di sini. Atur cara dimulakan dengan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Sembahyang Fardu Zuhur dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin serta Doa Khas bagi memohon kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Munajat Khas berkenaan mencerminkan rasa kasih, taat setia serta doa berterusan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dikurniakan kesejahteraan, kesihatan yang sempurna serta keafiatan yang berpanjangan.

Majlis seumpamanya diadakan di beberapa buah sekolah Arab dan sekolah agama di keempat-empat daerah menunjukkan penglibatan aktif serta kesungguhan warga sekolah dalam merafakkan doa, mencerminkan semangat kebersamaan dan keikhlasan rakyat dalam mendoakan kesejahteraan raja yang dikasihi.

Daerah Tutong



TUTONG, Isnin, 19 Januari. - Munajat Khas bagi Memohon Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mencerminkan rasa kasih, taat setia serta doa berterusan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam agar baginda dikurniakan kesejahteraan, kesihatan yang sempurna serta keafiatan yang berpanjangan.

Bermunajat kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk raja yang dikasihi dan mendoakan agar baginda sentiasa dihiasi dengan afiah yang sempurna.

Dalam pada itu, penglibatan aktif serta kesungguhan warga sekolah dan seluruh institusi-institusi pendidikan di seluruh negara dalam merafakkan doa kepada raja yang dikasihi jelas mencerminkan semangat kebersamaan dan keikhlasan rakyat dalam mendoakan kesejahteraan raja yang dikasihi.

Dalam hubungan ini, Pelita

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



Brunei meninjau ke salah sebuah sekolah Arab di Daerah Tutong iaitu Ma'had Islam Brunei di mana ia diadakan di tempat yang berasingan iaitu di Surau Lelaki dan Perempuan sekolah berkenaan.

Di Surau Lelaki, Munajat Khas didahului dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh salah seorang pelajar sekolah berkenaan dan seterusnya Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh tenaga pengajar sekolah tersebut, Awang Afiq Jazimin bin Emran.

Kemudian diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin serta Doa Khas bagi Memohon Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Tenaga Pengajar Ma'had Islam Brunei, Awang Abdul Qawiyuddin bin Haji Suhaili.

Manakala Sembahyang Fardu Zuhur dan Sunat Hajat Berjemaah juga dilaksanakan oleh Surau Perempuan. Bacaan Surah Yaa Siin serta Doa Khas bagi Memohon Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pula dipimpin oleh Tenaga Pengajar Ma'had Islam Brunei, Dayang Hajah Noramalina binti Haji Md. Ali.

PELITA Brunei meninjau ke salah sebuah sekolah Arab di Daerah Tutong iaitu Ma'had Islam Brunei di mana ia diadakan di tempat yang berasingan iaitu di Surau Lelaki dan Perempuan sekolah berkenaan (atas kiri, atas kanan dan kiri).



Munajat Khas bagi Memohon Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Daerah Belait



SEKOLAH Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kuala Belait menunjukkan penglibatan aktif serta kesungguhan warga sekolah dalam merafakkan doa, mencerminkan semangat kebersamaan dan keikhlasan rakyat dalam mendoakan kesejahteraan raja yang dikasihi (atas, bawah dan atas kanan).



Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

KUALA BELAIT, Isnin, 19 Januari. - Bagi sama-sama merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh kesungguhan dan harapan, seluruh warga persekolahan agama, persekolahan Arab serta Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah menyertai Munajat Khas bagi Memohon Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini adalah bagi

institusi-institusi pendidikan di seluruh negara yang diadakan hari ini bagi mencerminkan rasa kasih, taat setia serta doa berterusan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dikurniakan kesejahteraan, kesihatan yang sempurna serta keafiatan yang berpanjangan.

Bagi institusi-institusi pendidikan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama, majlis berkenaan telah diadakan pada waktu tengah hari dengan

pengisian acara Sembahyang Fardu Zuhur dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin serta Doa Khas bagi Memohon Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tinjauan media ke Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kuala Belait menunjukkan penglibatan aktif serta kesungguhan warga sekolah dalam merafakkan doa, mencerminkan semangat kebersamaan dan keikhlasan rakyat dalam mendoakan kesejahteraan raja yang dikasihi.

Daerah Temburong



MUNAJAT Khas turut diadakan di Sekolah Arab Temburong yang disertai oleh murid-murid serta tenaga pengajar Sekolah Arab Temburong dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah Temburong (atas dan kanan).

TEMBURONG, Isnin, 19 Januari. - Institusi-institusi pendidikan agama, Arab di seluruh negara serta Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah hari ini mengadakan Munajat Khas bagi Memohon Kesihatan dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pelaksanaan majlis berkenaan mencerminkan rasa kasih, taat setia serta doa berterusan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dikurniakan

kesejahteraan, kesihatan yang sempurna serta keafiatan yang berpanjangan.

Sehubungan itu, Munajat Khas turut diadakan di Sekolah Arab Temburong yang disertai oleh murid-murid serta tenaga pengajar Sekolah Arab Temburong dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah Temburong (SUPMMBT).

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Zuhur dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Pelajaran Sekolah Arab Temburong, Awang Haji Mohd. Asri bin Haji Timbang dan diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh salah seorang guru Sekolah Arab Temburong, Abdul Hadi bin Haji Bagol.

Sementara itu, Doa Khas

dibacakan oleh Guru Ugama SUPMMBT, Awang Haji Muhame bin Haji Suhaili.

Dengan penganjuran Munajat Khas ini jelas menzahirkan keikhlasan serta kesungguhan warga sekolah dalam merafakkan doa, mencerminkan semangat kebersamaan dan keikhlasan rakyat dalam mendoakan kesejahteraan raja yang dikasihi.





Pulihara, hargai bangunan bersejarah

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

SEJARAH bukan hanya sekadar suatu catatan yang mengungkap kisah dahulu tetapi ia tetap hidup pada bangunan dan kawasan bersejarah yang pernah menjadi saksi sesuatu zaman. Apabila ia musnah, bukan sahaja bentuk fizikalnya sahaja yang hilang, tetapi roh sejarah membentuk jati diri sesuatu bangsa itu turut terkesan. Keadaan ini menyebabkan warisan akan hilang sedikit demi sedikit, sementara identiti bangsa menjadi semakin kabur.

Bangunan bersejarah perlu dikekalkan dan dipelihara. Bangunan bersejarah dapat dijadikan iktibar atau panduan kepada generasi muda dan juga dapat dijadikan bahan penyelidikan dan kajian tentang evolusi manusia yang berlaku.

Tetapi disebabkan desakan kemajuan yang hendak dicapai, pembangunan moden semakin pesat sehingga sering mengorbankan warisan ini terutama sekali bangunan-bangunan yang sudah lama, buruk tanpa mengetahui sejarah yang dimilikinya. Bangunan lama tidak boleh dilihat sekadar struktur usang. Setiap satu menyimpan kisah tersendiri berkaitan dengan perdagangan, pusat pemerintahan dan menjadi salah satu nadi kehidupan masyarakat.

Di kebanyakan negara luar, banyak bangunan lama yang kaya dengan nilai sejarah dirobohkan lalu diganti dengan bangunan konkrit dan pusat komersial. Ini menjadikan mereka hilang warisan kebanggaan yang dipertahankan dari zaman nenek moyang mereka.

Tetapi ada juga sesetengah negara sangat menjaga warisan seni bina bangunan mereka walaupun mereka merupakan negara membangun. Kita lihat sahaja bagaimana negara-negara seperti Jepun dan Itali sangat mempertahankan serta mengekalkan warisan seni bina bangunan mereka yang sangat bernilai seperti bandar Kyoto masih mengekalkan kuil dan rumah

kayunya, sementara Florence pula mempertahankan bangunan Renaissance. Meskipun kedua-dua bandar ini membangun dengan pesat dan maju, pada masa yang sama, kaya dengan sejarah dipulihara bagi mengekalkan warisan masyarakat untuk ditunjukkan kepada generasi muda mereka. Inilah yang perlu kita contohi untuk mengekalkan warisan negara kita yang unik dan bersejarah. Kita tidak mahu seperti negara-negara pesat membangun yang lain kehilangan bangunan bersejarah akibat sikap sambil lewa, tamak pembangunan moden dan mementingkan keuntungan komersial semata-mata.

Menghargai sejarah warisan

Apabila masyarakat mula menghargai warisan yang ada, maka mereka akan mempertahankannya daripada tangan yang mahu memusnahkannya. Sejarah bukan sesuatu yang boleh dibina semula, tetapi apabila ia lenyap, maka hilanglah buat selama-lamanya, tidak akan dapat diganti dengan yang baharu.

Akibatnya, generasi akan datang hanya akan mewarisi bandar moden tanpa jejak masa silam yang pernah membentuk pembangunan awal, boleh menjadi penyebab generasi muda jauh daripada mengenali akar sejarah mereka sendiri.

Pelbagai usaha sebenarnya dijalankan di negara ini bagi memastikan warisan sejarah terus terpelihara. Contohnya, Seria apabila dipilih sebagai salah sebuah bandar yang menerima Anugerah 6th ASEAN Environmentally Sustainable Cities (ESC) pada 3 September 2025 di Langkawi, Malaysia. Anugerah ini merupakan inisiatif di bawah ASEAN Working Group on ESC yang bertujuan memberikan pengiktirafan kepada bandar-bandar ASEAN yang menunjukkan kepimpinan serta kecemerlangan dalam memajukan agenda pembangunan bandar mampan berteraskan kelestarian alam sekitar. Kesungguhan masyarakat mengekalkan identiti kawasan Seria ternyata membuahkan hasil dengan

pengiktirafan tersebut.

Selain Seria, kita beruntung kerana daerah lain juga masih mengekalkan warisan bangunan yang lama bahkan ada juga yang memperbaiki bangunan-bangunan tersebut dan memberi nafas baharu seperti penambahan reka bentuk, mengecat semula dengan warna menarik. Bangunan lama tidak semestinya perlu dirobohkan, sebaliknya dipulihkan dan diberi nafas baharu seiring perkembangan masa.

Kepentingan memelihara bangunan-bangunan bersejarah

Jika diteliti, warisan sejarah jika dijaga dengan baik boleh memberikan satu pulangan ekonomi lebih besar melalui pelancongan, di samping mengekalkan identiti unik sesebuah bandar. Bangunan bersejarah perlu dipulihara untuk tatapan pelancong asing. Bangunan tersebut mempunyai daya tarikan kerana berkaitan dengan sejarah yang telah berlaku di negara kita.

Seterusnya, dari sudut pelancongan, bangunan dan monumen bersejarah mampu menarik minat pelancong. Sama ada pelancong tempatan mahupun pelancong dari luar negara yang melawat negara ini.

Oleh itu, bangunan bersejarah tidak perlu dirobohkan tetapi perlu dipelihara dan diubah suai. Sebagai contoh, bangunan lama sewajarnya diubahsuai untuk menjadi muzium, galeri seni dan pusat pelancongan. Usaha ini mampu untuk menarik minat pelancong dari luar dan mampu menjadi sumber pendapatan bagi negara ini.

Bagi para penyelidik dan pelajar, bangunan dan monumen lama juga memainkan peranan penting dalam pembelajaran mengenai negara ini. Pelbagai ilmu pengetahuan dapat dipelajari dengan memahami dan mempelajari bangunan dan monumen lama. Misalnya, tapak Waterfront Bandar Seri Begawan (BSB) seluas 1.8 hektar ini pada asalnya adalah Dermaga Kastam dan Eksais Diraja yang

mempunyai sejarahnya yang tersendiri sebagai pelabuhan serta pintu masuk penumpang-penumpang dan barangan import melalui laut. Bangunan Kastam dan Eksais Diraja dibina sekitar tahun 1950-an dan merupakan antara peninggalan seni bina kolonial yang dahulunya menempatkan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Bubungan Dua Belas pula adalah bangunan bersejarah ikonik di BSB, Brunei. Ia didirikan setelah bermulanya sistem pentadbiran Residen British di Brunei sejak tahun 1906. Pada mulanya bangunan ini merupakan tempat kediaman rasmi bagi Mr. McArthur, Residen British yang pertama di Brunei. Bangunan ini dinamakan Bubungan Dua Belas kerana ia mempunyai 12 bumbung yang bertingkat-tingkat. Bangunan ini menjadi simbol penting warisan Brunei Darussalam.

Begitu juga dengan Istana Darussalam dibina pada sekitar tahun 1940-an, di tebing Sungai Sumbiling, Kampung Sumbiling Lama, BSB. Keluasan kawasan istana ini kira-kira 0.75 ekar. Reka bentuk istana ini juga memperlihatkan ciri-ciri seni binaan Melayu Brunei. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diputerakan di istana ini pada 15 Julai 1946. Justeru, inilah yang menjadikan bangunan ini menjadi satu warisan yang sangat berharga dan mempunyai nilai tersendiri.

Sebagai kesimpulan, bangunan bersejarah amat penting dalam membentuk minda generasi muda di negara ini, terutamanya terhadap penghargaan warisan dan khazanah negara ini. Bangunan bersejarah merupakan aset yang sepatutnya dipelihara dan diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain. Dengan adanya bangunan bersejarah, generasi baharu akan lebih menghargai dan sensitif terhadap pembangunan sejarah negara ini.

EKSPLO PENGHAJIAN TINGGI, 7-8 FEBRUARI INI



PEMANGKU Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Dr. Mona Aliana binti Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin selaku Pengerusi Ekspo Pengajian Tinggi Kali Ke-11 Tahun 2026 semasa sesi Sidang Media Ekspo Pengajian Tinggi Kali Ke-11 Tahun 2026 di Dewan Persidangan 6, Kementerian Pendidikan (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Januari. - Ekspo Pengajian Tinggi Kali Ke-11 Tahun 2026 akan diadakan selama dua hari bermula 7 hingga 8 Februari 2026 bertempat di Dewan 1 dan 2, BRIDEX, Jerudong.

Ekspo berkenaan diunkayahkan dengan tujuan menyediakan Pusat Informasi Sehati (One-Stop Information Centre) pengajian tinggi, yang menghimpunkan institusi-institusi pengajian pasca menengah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta agensi-agensi sektor pendidikan dari dalam dan luar negara. Usaha ini bertujuan memberi pendedahan serta prospek pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi di peringkat nasional dan antarabangsa.

Selain itu, ekspo berkenaan juga membuka peluang kepada orang ramai, khususnya para pelajar, untuk bersemuka secara langsung dengan wakil institusi pengajian tinggi serta agensi-agensi pendidikan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan

berkaitan laluan pengajian dan kerjaya masa hadapan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Dr. Mona Aliana binti Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin yang juga selaku Pengerusi Ekspo Pengajian Tinggi berkenaan, semasa sesi Sidang Media Ekspo Pengajian Tinggi Kali Ke-11 Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Persidangan 6 (P6), Kementerian Pendidikan, pagi tadi.

Menurutnya, pada Sabtu, 7 Februari 2026, ekspo akan dibuka kepada orang ramai bermula jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang, manakala pada Ahad, 8 Februari 2026, ekspo akan berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Sehingga kini, jelasnya, lebih 60 institusi pengajian tinggi, agensi perkhidmatan pendidikan serta agensi kerajaan dan swasta telah mengesahkan penyertaan dalam ekspo berkenaan.

"Penyertaan tersebut merangkumi enam institusi pengajian tinggi awam dan lapan

institusi pengajian tinggi swasta dalam negara, 17 agensi dan institusi dari luar negara termasuk dua daripada kedutaan, serta 10 agensi swasta," tambahnya.

Semasa Ekspo Pengajian Tinggi diadakan, Kementerian Pendidikan akan turut mengongsikan maklumat-maklumat terkini berkaitan Sistem Pusat Kemasukan ke Pengajian Tinggi atau Higher Education Centralized Admission System (HECAS), biasiswa-biasiswa kerajaan serta permohonan pengiktirafan kursus atau kelulusan.

Antara jabatan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan yang akan menyertai ekspo berkenaan ialah Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Jabatan Pengurusan Pendidik, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C), Pusat Inovasi Keusahawanan (EIC), Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan dan Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah.

Turut serta dalam Ekspo Pengajian Tinggi tersebut ialah

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Pejabat Perancangan Tenaga Manusia dan Pusat Pekerjaan Brunei dari Jabatan Perdana Menteri.

Ekspo ini dibuka kepada orang awam, khususnya pelajar lepasan menengah (Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O') dan prauniversiti (Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'A') atau yang berkelulusan setara dengannya yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi, termasuk individu yang ingin meningkatkan kemahiran sedia ada (*upskilling*) atau mempelajari kemahiran baharu (*reskilling*).

Institusi-institusi yang terlibat juga akan memperkenalkan pelbagai program pengajian antaranya National Technical Education Certificate (NTec), Higher National Technical Education Certificate (HNTec), Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana serta program Ijazah Kedoktoran.

Antara faedah menyertai Ekspo Pengajian Tinggi Kali Ke-11 Tahun 2026 ini adalah memberi peluang kepada pengunjung untuk memahami tatacara permohonan ke institusi pengajian tinggi; mendapatkan bimbingan daripada pakar pendidikan tinggi; berinteraksi secara langsung dengan wakil institusi serta memperoleh maklumat berkaitan peluang biasiswa.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan mengalu-alukan orang ramai khususnya para pelajar dan ibu bapa untuk mengunjungi Ekspo Pengajian Tinggi Kali Ke-11 Tahun 2026 sepanjang dua hari penganjurannya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn dan laman sesawang Jabatan Pengajian Tinggi di www.hiedbrunei.moe.gov.bn atau mengikuti akaun Instagram @moe_brunei dan @hiedbrunei.





ALAI PINTAR

SOALAN 21 JANUARI 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Objek manakah boleh terapung di dalam air?
 - Batu
 - Besi
 - Kayu
- Kamal mempunyai BND10.50. Dia membeli buku berharga BND6.80. Berapakah baki wang Kamal?
 - BND3.70
 - BND1.20
 - BND5.50
- Cuaca manakah sesuai untuk menjemur pakaian?
 - Ribut
 - Panas
 - Hujan

TARIKH TUTUP : 31 JANUARI 2026

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 164 :

Nama : Nurasyura binti Muhammad Wafiuddin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0152269-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba II

Nama : Md. Syafiq Aqil Danish bin Abdullah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0135072-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Mentiri

Nama : Anna Al-Thofun Nissa binti Haji Mohd. Nazellely
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0152037-01. Sekolah : Tinkerbelle Learning School

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 164

- A – Perpustakaan
- C – 180 minit
- B – Bersenam secara berkala

IMF TINGKATKAN UNJURAN PERTUMBUHAN KDNK REPUBLIK INDIA



NEW DELHI, 20 Jan. - Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada Isnin telah menyemak naik anggaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Republik India bagi tahun

kewangan semasa (April 2025-Mac 2026) kepada 7.3 peratus, daripada unjuran terdahulu sebanyak 6.6 peratus.

Unjuran IMF itu hanya sedikit lebih rendah berbanding anggaran kerajaan Republik India sebanyak 7.4 peratus bagi tempoh yang sama.

Dalam satu laporan, IMF menyatakan bahawa semakin naik tersebut mencerminkan pertumbuhan yang lebih kukuh daripada jangkaan pada suku

ketiga (Oktober-Disember 2025), serta 'momentum yang kuat' pada suku keempat (Januari-Mac 2026).

"Pertumbuhan dijangka sederhana kepada 6.4 peratus pada 2026 dan 2027 apabila faktor kitaran dan sementara semakin berkurangan," katanya. - ©XINHUA

FOTO menunjukkan pemandangan jalan di New Delhi, Republik India. (Xinhua/Wu Yue)

Kira-kira 40 tawanan dibebaskan selepas rusuhan penjara ditamatkan di Guatemala

MEXICO CITY, 19 Jan. - Semua kakitangan penjara Guatemala yang dijadikan tawanan sehari sebelumnya dibebaskan selepas rusuhan di beberapa fasiliti pemulihan berjaya ditamatkan, menurut Kementerian Dalam Negeri negara itu, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Operasi bersama oleh Direktorat Jeneral Sistem Penjara, Polis Awam Kebangsaan dan tentera membolehkan rusuhan di Sektor 11, Pusat Tahanan Zon 18 serta Pusat Tahanan Fraijanes 2 ditamatkan, sekali gus membebaskan 37 pengawal penjara," menurut kementerian itu menerusi platform X.

Kementerian Dalam Negeri menjelaskan yang kawalan ke atas kedua-dua fasiliti itu dipulihkan

sepenuhnya dan semua kakitangan penjara yang dibebaskan sedang menerima rawatan perubatan.

Kekacauan besar-besaran dalam sistem penjara Guatemala bermula pada 17 Januari di beberapa penjara, termasuk Renovacion 1, Fraijanes 2 dan pusat tahanan Zon 18. Banduan yang mempunyai kaitan dengan geng Barrio 18 menawan kakitangan penjara dan menuntut peraturan yang lebih longgar serta pemindahan pemimpin mereka. Selepas kawalan ke atas sebuah penjara dirampas semula, satu gelombang serangan bersenjata terhadap anggota polis berlaku di seluruh negara, mengakibatkan kematian serta memaksa langkah keselamatan dketatkan.

Kurang daripada 24 jam selepas

rusuhan bermula, pasukan keselamatan awam dengan sokongan tentera berjaya menguasai semula penjara keselamatan maksimum Renovacion 1 dan meneutralkan ketua-ketua rusuhan. Menurut Menteri Dalam Negeri Marco Antonio Villeda, operasi itu berjaya dilaksanakan tanpa sebarang kematian dalam kalangan pasukan keselamatan atau banduan dan sembilan tawanan yang ditahan dibebaskan dalam keadaan selamat. Pada masa yang sama, Villeda melaporkan kematian tujuh anggota Polis Awam Kebangsaan akibat serangan bersenjata yang dijanjurkan sebagai tindak balas terhadap tindakan kerajaan ke atas kumpulan jenayah, manakala 10 lagi cedera. - ©BERNAMA

Angka korban kebakaran hutan di Chile meningkat kepada 18

SANTIAGO, 19 Jan. - Presiden Chile Gabriel Boric pada Ahad memaklumkan bahawa angka korban akibat kebakaran hutan yang melanda wilayah tengah-selatan negara itu telah mencecah 18 orang dan dijangka akan terus meningkat, lapor Xinhua.

"Hari ini kita mempunyai jumlah pengesahan sebanyak 18 kematian, namun malangnya kami pasti angka ini akan meningkat," kata Boric kepada pemberita di Concepcion di wilayah Biobio, kira-kira 500km ke selatan

Santiago.

Beliau berkata anggaran awal menunjukkan sekitar 300 rumah telah musnah di Biobio sahaja, sambil memberi amaran bahawa jumlah akhir boleh melebihi 1,000 rumah.

Pihak berkuasa mengenakan perintah berkurung bermula petang Sabtu di perbandaran Penco, Nacimiento dan Laja, manakala di Lirquen, antara kawasan yang paling teruk terjejas, perintah berkurung telah bermula lebih awal dan kekal tanpa had tempoh selepas kebakaran menjejaskan

kira-kira 80 peratus lokaliti tersebut.

Menurut Perbadanan Perhutanan Kebangsaan, Chile kini mempunyai 14 kebakaran hutan aktif di bawah amaran merah, dengan lebih 24,000 hektar kawasan telah terbakar di seluruh negara. Kebakaran terbesar berlaku di Concepcion, yang telah menjejaskan lebih 10,600 hektar.

Boric mengisytiharkan darurat bencana di wilayah Nuble dan Biobio bagi menangani kecemasan tersebut. - ©BERNAMA

Presiden Syria umum gencatan senjata, perjanjian integrasi antara kerajaan, SDF

ISTANBUL, 19 Jan. - Presiden Syria Ahmad al-Sharaa mengumumkan pada Ahad satu perjanjian gencatan senjata menyeluruh dan integrasi penuh antara kerajaan Syria dan Pasukan Demokratik Syria (SDF), yang menggariskan langkah-langkah drastik untuk memulihkan kuasa negara di timur laut negara itu.

Anadolu Ajansi (AA) melaporkan, dengan memetik Agensi Berita Arab Syria (SANA), bahawa perjanjian itu memperuntukkan gencatan senjata segera dan menyeluruh di semua barisan hadapan dan garisan pertembungan antara pasukan kerajaan dan SDF.

Perjanjian tersebut akan berkuat

kuasa selari dengan pengunduran semua formasi tentera yang bergabung dengan SDF ke kawasan timur Sungai Euphrates sebagai langkah persediaan untuk penempatan semula.

Di bawah perjanjian itu, wilayah Deir ez-Zor dan Raqqa akan diserahkan sepenuhnya dan serta-merta kepada kerajaan Syria, baik dari segi pentadbiran mahupun ketenteraan. Ini termasuk pemindahan semua institusi dan kemudahan awam di kedua-dua wilayah tersebut.

Perjanjian itu menetapkan bahawa kakitangan sedia ada di Deir ez-Zor dan Raqqa akan dikekalkan secara rasmi di bawah kementerian negara Syria yang

berkaitan, dan kerajaan tidak akan mengambil tindakan punitif terhadap anggota SDF atau ahli pentadbiran awam di kedua-dua wilayah berkenaan.

Ia juga menetapkan integrasi semua institusi awam di wilayah Hasakah ke dalam institusi negara dan struktur pentadbiran Syria.

Sebagai sebahagian daripada perjanjian itu, kerajaan Syria akan mengambil alih kawalan ke atas semua lintasan sempadan serta medan minyak dan gas di wilayah tersebut. Tapak-tapak ini akan dikawal oleh pasukan Syria bagi memastikan hasil dikembalikan kepada negara, menurut SANA. - ©BERNAMA

Peru isytihar darurat di 134 daerah susulan hujan lebat

LIMA, 19 Jan. - Kerajaan Peru pada Ahad mengisytiharkan keadaan darurat selama 60 hari di 134 daerah merentasi lapan wilayah berikutan risiko yang bakal terjadi akibat hujan lebat, lapor Xinhua.

Menurut dekri yang diterbitkan dalam warta rasmi El Peruano, langkah itu meliputi daerah di wilayah Ancash, Ica, La Libertad, Lambayeque, Lima, Moquegua, Piura dan Tumbes.

Keputusan itu juga dibuat susulan penilaian oleh Institut Pertahanan Awam Kebangsaan, yang memberi amaran bahawa hujan lebat dan banjir yang berterusan boleh mengancam nyawa serta sumber mata pencarian, selain berisiko mengatasi keupayaan tindak balas pihak berkuasa tempatan. - ©BERNAMA

EU akan adakan mesyuarat tergempar susulan ancaman tarif Greenland oleh Trump

LONDON, 19 Jan. - Majlis Eropah akan mengadakan mesyuarat luar biasa dalam masa terdekat bagi membincangkan rancangan Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump untuk mengenakan tarif berkaitan Greenland, kata presiden badan itu pada Ahad.

"Memandangkan kepentingan perkembangan terkini dan demi menyelaraskan lagi tindakan, saya telah memutuskan untuk memanggil mesyuarat luar biasa Majlis Eropah dalam beberapa hari akan datang," kata Antonio Costa menerusi hantaran di X, lapor Anadolu Ajansi.

Beliau berkata negara anggota Kesatuan Eropah (EU), selepas melakukan rundingan, "mengesahkan semula komitmen teguh kami" terhadap perpaduan, undang-undang antarabangsa, integriti wilayah dan kedaulatan negara, serta solidariti bersama Denmark dan Greenland serta kepentingan rentas Atlantik yang dikongsi dalam keamanan dan keselamatan di Artik, terutamanya melalui NATO.

Costa menambah bahawa para anggota juga mengesahkan semula penilaian bersama mereka bahawa tarif tersebut "akan menjejaskan hubungan rentas Atlantik dan tidak serasi dengan perjanjian perdagangan EU-AS," serta kesediaan mereka untuk mempertahankan diri daripada sebarang bentuk paksaan dan terus bekerjasama secara membina dengan AS dalam isu kepentingan bersama.

Ini susulan kenyataan Presiden AS Donald Trump pada Sabtu bahawa Washington akan mengenakan tarif sebanyak 10 peratus ke atas barangan dari Denmark, Norway, Sweden, Republik Perancis, Republik Persekutuan Jerman, United Kingdom, Belanda dan Finland bermula 1 Februari, yang akan meningkat kepada 25 peratus pada bulan Jun, melainkan satu perjanjian dicapai untuk apa yang beliau panggil sebagai "pembelian lengkap dan menyeluruh Greenland" oleh AS.

Pemimpin Eropah menolak ancaman tarif tersebut dan mengulangi solidariti bersama Denmark.

Terdahulu pada Ahad, lapan negara Eropah berkenaan mengeluarkan kenyataan bersama yang mengecam ancaman AS tersebut dan mengesahkan semula komitmen mereka terhadap keselamatan Artik serta kedaulatan negara. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



KEMBALI KE 10 TERBAIK, MAGHRIBI DUDUKI 'RANKING' KELAPAN FIFA

GENEVA, 20 Jan. - Naib johan Piala Negara-Negara Afrika (AFCON) Maghribi mendaki ke tangga kelapan ranking terkini FIFA, mencapai kedudukan 10 terbaik buat kali pertama sejak April 1998, lapor Xinhua.

Walaupun tewas 0 - 1 kepada Senegal dalam final tersebut, Maghribi naik tiga anak tangga ke kedudukan terbaiknya selepas mencatat lima kemenangan, satu seri dan satu kekalahan di AFCON. Senegal juga menjejaki tangga ke-12,

iaitu kenaikan tujuh anak tangga, selepas merampas semula takhta benua dengan enam kemenangan dan satu seri.

Tujuh pasukan teratas kekal tidak berubah dengan Sepanyol mendahului ranking, diikuti Argentina, Republik

Perancis, England, Brazil, Portugal dan Belanda. Belgium, Republik Persekutuan Jerman dan Croatia masing-masing turun satu tempat kepada kesembilan hingga ke-11. - ©BERNAMA

APG 2025 : 50 emas Kemboja masih segar, Malaysia kini sasar rekod baharu di Thailand

NAKHON RATCHASIMA, 19 Jan. - Kejayaan membawa pulang 50 pingat emas dari Kemboja pada edisi 2023 masih segar dalam ingatan rakyat Malaysia sekali gus menjadi 'ukuran' bagi kontinjen negara menilai sama ada mereka mampu mengulangi prestasi cemerlang di Sukan Para ASEAN (APG) Thailand 2025 yang akan membuka tirai secara rasmi di sini esok.

Kontinjen Malaysia menyasarkan 55 emas, satu cabaran lebih tinggi berbanding edisi sebelumnya menandakan tekad dan aspirasi untuk mencipta sejarah baharu dalam arena serantau yang kian kompetitif.

Kehadiran beberapa juara Paralimpik negara menambah intensiti persaingan sekali gus memberikan tekanan tambahan kepada atlet untuk membuktikan kebolehan dan ketahanan mental mereka di pentas penuh bermakna ini.

APG 2025 turut dianggap sebagai penanda aras awal menjelang dua kejohanan besar tahun ini iaitu Sukan Komanwel Glasgow 2026 pada Julai dan Sukan Para Asia Aichi-Nagoya 2026 pada Oktober yang menjadi platform sebenar menilai kesiapsiagaan atlet negara menuju Sukan Paralimpik Los Angeles 2028.

Prestasi di Nakhon Ratchasima juga bakal menjadi ukuran awal persiapan untuk menjadi tuan rumah menjelang APG Malaysia 2027 pada Oktober tahun depan sekali gus menguji sepenuhnya keberkesanan latihan dan strategi kontinjen negara.

Ketua Kontinjen (CDM) Malaysia ke APG 2025 Mohd. Zarrawi Ravi Abdullah sebelum ini secara terbuka meluahkan keyakinan bahawa sukan renang dan olahraga kekal menjadi lubuk emas manakala badminton serta berbasikal diharapkan menjadi punca tambahan yang mampu menaikkan semangat dan reputasi negara.

Antara atlet negara yang mencuri tumpuan ialah pemenang tiga pingat Paralimpik Muhammad Ziyad Zolkefli yang bakal beraksi dalam acara lontar peluru F20 (kecatatan intelektual) dan

rejam lembing F20, membawa harapan tinggi peminat sukan negara yang menantikan setiap lontaran dengan penuh debaran serta kebanggaan.

Juara emas Paralimpik 2016 Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi pula akan turun dengan misi memburu podium acara 100 meter (m), 200m dan 400m T38 (kecatatan fizikal).

Arena *powerlifting* dijangka mencuri perhatian dengan Bonnie Bunyau Gustin bertanding dalam kategori 80 kilogram manakala abangnya, Bryan Junency Gustin bagi kategori 88kg, menambah 'drama' persaingan sengit di antara dua bintang dalam satu keluarga.

Juara Paralimpik 2020 dan 2024, Cheah Liek Hou pula bakal membawa cabaran utama Malaysia dalam perseorangan lelaki SU5 (kecatatan fizikal) dan beregu lelaki SU5, dengan setiap perlawanan akan menjadi medan membuktikan ketangkasan serta strategi tanpa kompromi.

Sementara itu, Muhammad Yusof Hafizi Shaharuddin diharapkan memberi impak besar dalam empat acara berbasikal iaitu dua acara trek dan dua acara lebuhraya.

Abd. Halim Mohammad, yang sebelum ini meraih lima emas dan satu gangsa di APG 2023, bakal beraksi dalam lapan acara renang sekali gus mempamerkan kepelbagaian serta stamina luar biasa yang mencerminkan latihan, disiplin dan semangat juang seorang atlet negara.

APG 2025 juga bakal menjadi pentas pertembungan generasi senior dan muda, menggabungkan pengalaman veteran dengan tenaga atlet baharu untuk memastikan kontinjen Malaysia bukan hanya bergantung kepada 'bintang' tetapi juga berjaya melahirkan jaguh baharu dalam setiap acara.

Sejarah cemerlang Malaysia di Kemboja 2023 iaitu 50 emas, 38 perak dan 35 gangsa untuk menduduki tangga keempat carta menjadi penanda aras yang menanti untuk ditandingi atau diatasi di Thailand.

Ayuh, kontinjen Malaysia, inilah masa anda untuk berjuang habis-habisan dalam 18 acara sukan yang disertai dengan 259 pingat menanti. - ©BERNAMA

Penang FC sedar halangan, persiap pasukan untuk tempuh 90 minit di Kuching

GEORGE TOWN, 19 Jan. - Berbekalkan kelebihan satu gol bukanlah jaminan selesa buat Penang FC yang bakal bertandang ke Sarawak untuk aksi timbal balik perlawanan pertama pusingan 16 Piala Malaysia 2025/2026 menentang Kuching City FC, pada 24 Januari.

Menyedari hakikat itu, Ketua Jurulatih Penang FC Wan Rohaimi Wan Ismail berkata pasukannya, akan membuat persiapan rapi bagi mengharungi baki 90 minit yang dijangka mencabar, lebih-lebih lagi beraksi di hadapan penyokong lawan.

"Kami sedar halangan yang bakal dihadapi di Kuching nanti dan saya akan mempersiapkan pasukan untuk sebarang kemungkinan sepanjang 90 minit perlawanan.

"Namun, apa yang boleh saya katakan, kami akan pergi dengan pendekatan yang sama, iaitu bermain secara menyerang dan menerapkan permainan tekanan," katanya pada sidang media selepas perlawanan tamat di Stadium Bandaraya di sini, malam tadi.

Dalam aksi itu Penang FC meraih kemenangan tipis 1 - 0 hasil jaringan penyerang import baharu kelahiran Brazil Douglas Coutinho Gomes De Souza pada minit ke-40, sekali gus meletakkan Harimau Kumbang di hadapan menjelang perlawanan timbal balik nanti.

Mengenai keputusannya meletakkan Douglas dalam kesebelasan utama, Wan Rohaimi menyifatkan kepercayaan yang diberikan kepada pemain itu berbaloi selepas berjaya mencipta impak segera dengan jaringan pada penampilan sulungnya.

"Kepercayaan telah diberikan dan Douglas berjaya membalasnya dengan baik. Alhamdulillah, impak segera kita

dapat daripada beliau dari penampilan pertama dengan gol pertama dan saya berharap prestasi serta keyakinan dirinya akan terus meningkat untuk membantu Penang FC pada perlawanan akan datang," katanya.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Kuching City FC Aidil Sharin Sahak berkata kekalahan malam tadi tidak melemahkan moral pasukannya yang telah memberikan aksi terbaik sepanjang perlawanan serta optimis sokongan padu penyokong di Kuching nanti mampu menjadi suntikan semangat kepada pemain untuk memburu kebangkitan.

Beliau turut menyifatkan kehilangan tumpuan pada separuh masa pertama khususnya dalam mengawal *set piece*, memberi kelebihan kepada tuan rumah walaupun menegaskan Penang FC tidak mencipta banyak peluang terbuka sepanjang perlawanan.

"Ini perlawanan piala yang penuh dengan cabaran serta pelbagai kemungkinan dan sentiasa ada kejutan. Kami perlu bangkit dengan cepat. Pulau Pinang mungkin gembira hari ini, tetapi ini hanyalah separuh pertama perlawanan dua pusingan dan kita akan lihat apa yang berlaku apabila kami bermain di Kuching," katanya.

Aidil dalam pada itu memaklumkan tahap kecederaan pemain tengah Muhammad Danial Amier Norhisham masih belum dapat dipastikan dan akan dinilai pasukan perubatan dalam tempoh terdekat.

"Mungkin doktor akan menilai kecederaan tersebut setelah bengkak surut dan menentukan sama ada pemeriksaan X-ray atau MRI diperlukan. Kecederaan itu masih baharu, namun kelihatan serius kerana kecederaan buku lali akibat terseliuh boleh menjadi agak teruk," katanya. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HATI YANG BERSYUKUR, DEKAT DENGAN ALLAH, KETENANGAN JIWA